

**PENGGUNAAN KAEDAH DIDIK HIBUR UNTUK
PEMBELAJARAN MATEMATIK DALAM KALANGAN
MURID SEKOLAH RENDAH TAMAN SRI RAMPAI**

NUR ALIAH IZZATY BINTI HISAMUDIN

**PUSAT KEBUDAYAAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

**PENGGUNAAN KAEDAH DIDIK HIBUR UNTUK
PEMBELAJARAN MATEMATIK DALAM KALANGAN
MURID SEKOLAH RENDAH TAMAN SRI RAMPAI**

NUR ALIAH IZZATY BINTI HISAMUDIN

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SENI
PERSEMBAHAN (MUZIK)**

**PUSAT KEBUDAYAAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: NUR ALIAH IZZATY BINTI HISAMUDIN

No. Matrik: RGI180003

Nama Ijazah: SARJANA SENI PERSEMBAHAN (MUZIK)

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

PENGUNAAN KAEDAH DIDIK HIBUR UNTUK PEMBELAJARAN MATEMATIK DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH TAMAN SRI RAMPAI

Bidang Penyelidikan: Pendidikan Muzik

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

**PENGGUNAAN KAEDAH DIDIK HIBUR UNTUK PEMBELAJARAN MATEMATIK
DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH TAMAN SRI RAMPAI
ABSTRAK**

Didik Hibur ialah pedagogi dalam pendidikan yang terbaru untuk sesi pembelajaran di sekolah dengan menumpukan pada penggunaan dan pemahaman dan penyerapan sekeliling pelajar. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanan, penglibatan murid, isu dan cabaran menggunakan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian dalam meningkatkan motivasi dalam pembelajaran mata pelajaran matematik dalam kalangan murid. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Seramai empat puluh orang murid dari Sekolah Kebangsaan Taman Seri Rampai telah terlibat di dalam penyelidikan ini. 10 orang murid telah ditemubual dan 30 orang murid telah terlibat di dalam kaedah pemerhatian. Hasil kajian disokong dengan menemubual seramai tujuh orang guru matematik yang mewakili empat buah sekolah di Malaysia telah dipilih secara bertujuan. Data diperolehi melalui teknik temubual, pemerhatian dan kajian dokumen. Data dianalisis dengan menggunakan teknik analisis tematik. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kaedah didik hibur berasaskan nyanyian dapat membantu meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran matematik. Kajian ini memberi implikasi ke atas gaya pembelajaran murid-murid terhadap mata pelajaran matematik dan juga menyumbang kepada pendidikan di Malaysia dengan menemukan rancangan pengajaran dengan menggunakan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian dalam mata pelajaran matematik.

Kata kunci: Didik Hibur, Matematik, Motivasi, Sekolah Rendah.

USE OF DIDIK HIBUR APPROACH LEARNING MATHEMATICS SUBJECT FOR SRI RAMPAI NATIONAL SCHOOL

ABSTRACT

Didik hibur is the latest learning method in education to teach subjects in schools by focusing on the use and understanding and absorption of students. Therefore, the objective of this study is to identify the effectiveness, student engagement, issues and challenges of using a *Didik hibur* learning method to increase motivation in learning mathematics subjects among students. This qualitative study uses case study design. Forty students from Taman Seri Rampai National School were involved in this research. 10 students were interviewed and 30 students were involved in the observation method. The results of this study were supported by interviewing seven mathematics teachers representing four schools in Malaysia. Data is obtained through interview techniques, observation and document review. Data were analyzed using thematic analysis techniques. The results of this study show that *Didik hibur* learning methods can help improve student motivation in mathematics learning. This study has implications for students' learning style in mathematics subjects and also contributes to education in Malaysia by discovering lesson plans using song based learning techniques in mathematics subjects.

Keywords: Didik Hibur, Mathematics, Motivation, Primary School.

PENGHARGAAN

Saya mendedikasikan hasil penyelidikan ini kepada Ibu dan Ayah saya, Puan Maimunah Shadan dan Encik Hisamudin Zawawi, yang sentiasa mengingatkan saya setiap hari betapa pentingnya untuk tidak berputus asa dalam apa jua perkara di dalam kehidupan.

Saya ingin mengiktiraf orang-orang berikut kerana telah banyak membantu saya dalam penulisan thesis ini: Dr. Wong Kwan Yie atas tunjuk ajar dan pemberi semangat sepanjang menyiapkan tesis ini. Puan Aida Nurul Ain atas dedikasi dan kebijaksanaannya di dalam memberi sumbangan idea. Cik Haiza Balqis untuk kemahiran dari segi editorial penulisan. Yang terakhir, Encik Haidhar Haziq atas semangat dan dorongannya.

Terima kasih.

ISI KANDUNGAN

Perakuan Keaslian Penulisan	ii
Abstrak.....	iii
Abstract.....	iv
Penghargaan.....	v
Isi Kandungan.....	vi
Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	x
Senarai Appendix.....	xi
BAB 1: PENYATAAN MASALAH	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Definisi Istilah.....	4
1.3 Objektif Kajian.....	6
1.4 Persoalan Kajian.....	6
1.5 Kepentingan dan Kerelevanan Kajian.....	7
1.6 Delimitasi Kajian	8
BAB 2: LITERASI KAJIAN	9
2.1 Didik Hibur di Malaysia.....	9
2.2 Pelaksanaan kaedah Didik Hibur	10
2.3 Ciri-Ciri Didik Hibur.....	11
2.4 Kajian berkaitan tentang Didik Hibur	12

2.5 Didik Hibur Berasaskan Nyanyian.....	18
2.6 Didik Hibur Berasaskan Nyanyian Untuk Mata Pelajaran Matematik	20
2.7 Didik Hibur dan Motivasi Belajar.....	22
2.8 Kajian berkaitan tentang Motivasi Belajar.....	26
2.9 Perkaitan Dalam Pendidikan.....	27
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	30
3.1 Pengenalan	30
3.2 Reka Bentuk Penyelidikan	31
3.3 Sampel Kajian	32
3.4 Kaedah Pengumpulan Data	32
3.4.1 Kaedah Pemerhatian	32
3.4.2 Temu Bual.....	34
3.4.3 Analisis Dokumen.....	37
3.5 Instrumentasi Kajian	37
3.6 Prosedur Analisa Data.....	38
3.7 Rumusan.....	39
BAB 4: HASIL KAJIAN	40
4.1: Tema Pertama (Guru)	40
4.2: Tema Pertama (Murid).....	48
4.3: Tema Kedua (Guru)	52
4.4 Teknik Kaedah Pemerhatian	57

BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN.....	63
5.1: Persoalan Kajian Pertama	63
5.2: Persoalan Kajian Kedua	69
5.3: Persoalan Kajian Ketiga.....	71
5.4: Perbincangan menyeluruh.....	75
5.5: Rumusan.....	76
5.6: Cadangan Kajian lanjutan	78
Rujukan	80

Senarai Jadual.....	
Jadual 1.1.....	39
Jadual 1.2.....	46
Jadual 1.3.....	51
Jadual 1.4.....	58
Jadual 1.5.....	60
Senarai Rajah.....	
Rajah 1	59
Rajah 2	59
Rajah 3	71
Senarai Appendix.....	
Appendix A	88
Appendix B	89
Appendix C	90
Appendix D.....	91
Appendix E.....	93
Appendix F.....	96
Appendix G	97
Appendix H.....	98

BAB 1

PENYATAAN MASALAH

1.1 Pengenalan

Matematik adalah sebuah mata pelajaran yang mempelajari topik-topik seperti pengiraan, struktur bentuk, ruang atau dikenali sebagai, pembelajaran bersifat nombor dan juga kemahiran berfikir yang memerlukan daya penaaakulan yang tinggi (Belekis serbini, 2012). Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2014), topik mata pelajaran matematik mengandungi empat bidang pembelajaran seperti Nombor dan Operasi, Sukatan dan Geometri, Perkaitan, Algebra Statistik dan Kebarangkalian. Kemahiran dalam menggunakan ilmu matematik ini, sesuai untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian setiap individu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (2001), untuk memenuhi hasrat kerajaan untuk mencapai penghasilan pembelajaran Konsep Kemahiran berfikir Aras Tinggi (KBAT), kaedah Pedagogi dalam Pendidikan (PdP) haruslah memberi fokus kepada KBAT iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Untuk mencapai matlamat tersebut, pedagogi mahupun kaedah pengajaran haruslah efektif dan kreatif yang boleh menarik perhatian murid-murid untuk mempelajari sesebuah mata pelajaran.

Namun begitu, sesetengah murid menganggap mata pelajaran matematik ini amatlah sukar. Masalah ini bukan sahaja menjadi bahan renungan di kalangan masyarakat, malah di seluruh dunia juga membicarakan perihal yang sama. Hal ini bukanlah suatu perkara yang asing. Tobias (1993) mendefinisikan kebimbangan matematik sebagai sebuah mata pelajaran yang panik, ketidakupayaan, kelumpuhan, dan ketidakorganisasi mental yang timbul dalam menyelesaikan masalah matematik. Bessant (1995) mendefinisikan kebimbangan terhadap

mata pelajaran matematik sebagai sikap yang tidak bermotivasi, takut akan kegagalan, dan kekurangan keyakinan diri dalam mempelajarinya. Seorang penyelidik yang pakar dalam bidang matematik, Reynolds (2003), menulis tentang menangani keghairahan matematik sebagai perasaan yang meletakkan individu dalam kedudukan yang sukar untuk ditangani. Sekumpulan pelajar menganggap mata pelajaran matematik adalah sukar dan mereka sangat lemah dari segi konsep dan juga teknik pengiraan. Menurut Sabri Ahmad, Tengku Zawawi Tengku Zainal dan Aziz Omar (2006), kebanyakan pelajar mempunyai masalah apabila ingin segera dan melompat dengan segera ke bab-bab yang lain tanpa merasai keseronokkan dalam mempelajari sesebuah bab tersebut. Hal ini menyebabkan mereka berasa takut dan mudah lupa apabila tidak fokus dan tidak memahami ilmu yang disampaikan dan perkara penting yang telah dipelajari sebelum ini.

Proses pembelajaran akan terjejas dengan ketiadaan kefahaman konsep kemahiran asas pada peringkat awal dan seterusnya menjadi lebih sukar untuk mempelajari bab yang selanjutnya. Kelemahan murid dalam menguasai kemahiran asas merupakan faktor yang mempengaruhi kebanyakan murid melakukan kesilapan dan kekeliruan dalam operasi yang melibatkan kemahiran asas matematik. Namun, tugas guru adalah untuk menyampaikan secara efisien setiap kandungan mata pelajaran matematik yang telah tersedia ada di dalam buku teks (Noor Azlan Ahmad Zanzali, 1987). Tugas murid adalah mendapatkan ilmu yang disampaikan oleh guru sambil memikirkan dengan kritis jalan penyelesaian sesebuah soalan (Tuah Ishak & Mohini Mohamed, 2010). Hasil daripada analisis kajian Ng (1986), mendapati bahawa matematik merupakan sebuah mata pelajaran yang kurang menarik minat murid di sekolah. Ramlah Jantan (2002) dalam kajiannya, kebergantungan sepenuhnya kepada teknik pengajaran tradisional "*chalk and talk*" dianggap kurang sesuai dalam era moden kini. Kaedah yang hanya berfokuskan kepada satu kaedah menghalang murid untuk mempertingkatkan prestasi mereka. Situasi ini haruslah dilihat dan diperincikan. Hal ini

kerana, zaman telah berubah kepada zaman yang baru dimana murid murid mengharapkan sesuatu kaedah pengajaran yang kreatif yang mampu menaikkan motivasi mereka untuk belajar. Majlis Peperiksaan Malaysia (1992) melaporkan dan mendapati bahawa di antara kemerosotan prestasi akademik pelajar adalah disebabkan ketidakberkesanan pengajaran guru yang kurang menarik perhatian murid murid. Hasil dalam pembelajaran matematik, guru berperanan sebagai pemberi informasi, pendidikan, berkomunikasi dan berinteraksi bersama anak murid dan juga sebagai fasilitator untuk membimbing anak murid. Metodologi pengajaran yang digunakan mempengaruhi prestasi belajar murid murid.

Pelaksanaan teknik pengajaran yang berkesan akan membolehkan pelajar melengkapkan tugas matematik dengan mudah. Menurut Aminudin Ahmad (2017), Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, beliau berkata, dalam hal ini, setiap guru perlu memahami, menghayati dan mengamalkan konsep guru yang lebih berinteraksi dengan Teach Less Learn More (TLLM), sebuah idea untuk para guru mengajar dengan berkesan serta meningkatkan penglibatan pelajar, penerapan unsur yang dikenali sebagai 'Didik Hibur' adalah kaedah Pedagogi Dalam Pendidikan (PdP) yang terdapat di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dikenali sebagai kaedah yang senang atau santai dan menyeronokkan. Pelajar berpeluang untuk melalui suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan meningkatkan minat dan motivasi mereka dalam menimba ilmu serta menggalakkan pelajar berinteraksi dan mempromosikan pembelajaran secara aktif. Hal ini dapat membantu memperkuat murid dan mendorong mereka untuk belajar menggunakan pendekatan yang kreatif dan positif dengan menekankan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dengan cara yang terancang.

Menurut Gardner (1980), terdapat tujuh jenis kegeniusan dan kebijaksanaan. Antaranya ialah, genius linguistik lisan (*verbal linguistic*), genius nombor (*numerical*) dan sebagainya. Untuk seseorang individu yang genius dalam nombor, mereka akan lebih senang menyesuaikan diri dengan subjek matematik. Untuk individu yang kurang genius dalam nombor, mereka haruslah mencari cara yang efektif untuk menyesuaikan diri dengan penglibatan subjek matematik. Pendidik juga harus memainkan peranan yang penting untuk membantu murid dalam mencari jalan untuk menyesuaikan diri dengan subjek matematik.

1.2 Definisi Istilah

Untuk kejelasan kajian ini, beberapa definisi operasi untuk terma telah dinyatakan seperti yang berikut.

Didik Hibur

Didik hiburan merupakan sebuah kaedah di dalam pendidikan yang menggunakan pelbagai unsur seni dan kaedah. (Wan Norliza Wan Mustapha, 2011)

Di dalam kajian ini, kaedah didik hiburan yang dikaji ialah kaedah didik hiburan berasaskan nyanyian. Menurut Kamarudin Husin (1999), pendekatan didik hiburan nyanyian ini sebagai sebuah cara yang kreatif yang mampu menarik kesemua pelajar dalam kaedah Pedagogi dalam Pendidikan (PdP) sebagai satu kaedah pendidikan yang menarik.

Matematik

Matematik adalah topik untuk membuka minda pelajar untuk melatih dan melihat sesuatu secara logik dan berakal dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan (Kanapathy, 2016).

Sekolah Rendah

Sekolah dianggap tempat untuk pendidikan formal, terutamanya untuk kanak-kanak yang bermula di peringkat prasekolah, utama, menengah dan tinggi. Setiap peringkat sekolah akan belajar mengikut tahap yang telah ditetapkan (Orchid, 2018)

Untuk kajian ini, sekolah rendah telah dispesifikasikan. Murid sekolah rendah adalah untuk murid murid yang berumur 7 hingga 12 tahun (Orchid, 2018).

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini mengemukakan tiga objektif seperti berikut:

1. Untuk mengenal pasti keberkesanan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian dalam meningkatkan motivasi dalam pembelajaran mata pelajaran matematik dalam kalangan murid.
2. Untuk mengenal hibur pasti penglibatan murid terhadap mata pelajaran matematik yang menggunakan pendekatan kaedah didik berasaskan nyanyian.
3. Untuk mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru dengan penggunaan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian dalam pengajaran mata pelajaran Matematik.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini mengemukakan tiga persoalan seperti berikut:

1. Sejauh manakah keberkesanan penggunaan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian boleh meningkatkan motivasi dalam pembelajaran mata pelajaran matematik dalam kalangan murid.
2. Sejauh manakah penglibatan murid terhadap mata pelajaran matematik dengan menggunakan pendekatan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian?
3. Apakah isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru dengan penggunaan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian dalam pengajaran mata pelajaran Matematik.

1.5 Kepentingan dan Kerelevanan Kajian

Kajian ini dilaksanakan bertujuan dan berharap bahawa penemuan ini akan membawa manfaat kepada pendidik dan pelajar yang terlibat terutamanya untuk memajukan mata pelajaran matematik dalam pendidikan Malaysia. Menurut Schmidt (2008), terdapat banyak penyelidikan sekarang yang menerangkan pelbagai kaedah muzik atau seni dapat membantu pelajar untuk belajar dengan lebih berkesan. Kajian telah menunjukkan bahawa menggunakan muzik untuk mengajar pelbagai mata pelajaran berupaya untuk meningkatkan prestasi pelajar.

Hasrat kerajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (2010) memperkenalkan pendekatan didik hibur ini di sekolah rendah adalah untuk mencapai hasrat perubahan kaedah Pedagogi dalam Pendidikan (PdP) di dalam kelas dengan metod yang baru.

“Pendekatan didik hibur yang diperkenalkan kepada sistem pendidikan akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih interaktif serta berpusatkan murid. Hasilnya, pengajaran yang disampaikan oleh guru akan mudah dihayati dan difahami oleh pelajar. Pendekatan didik hibur ini merupakan satu kaedah Pedagogi dalam Pendidikan (PdP) yang bersifat santai tetapi terkawal dengan memberikan penekanan dan cara pelaksanaannya terhadap empat komponen iaitu nyanyian, bercerita, lakonan dan berpuisi.” (Aminudin Ahmad, 2017, Muka Surat 6)

Oleh itu, kefahaman murid secara total dalam mempelajari mata pelajaran di sekolah dapat direalisasikan secara terancang, bersistematik dan menyenangkan.

Selain itu, antara rasional lain ialah yang pertama, dapat memberi informasi tentang keberkesanan penggunaan kaedah didik hibur ini kepada guru. Kedua, dapat membantu guru-guru menggunakan pendekatan didik hibur. Ketiga, membantu pendidik mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh mereka untuk mendidik dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Yang keempat dapat membantu pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dalam usaha membina strategi yang efisien bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sekaligus subjek lain yang boleh mengaplikasikan kaedah ini.

1.6 Delimitasi Kajian

Untuk mendapatkan data kajian, beberapa idea delimitasi telah dibuat.

Kajian dilakukan di Sekolah Rendah Kebangsaan Taman Sri Rampai Setapak untuk pendekatan teknik pemerhatian yang melibatkan seramai 30 orang pelajar tahun satu dan untuk teknik temu bual seramai 10 orang pelajar di sekolah tersebut. Tujuh orang guru juga terlibat untuk mewakili empat buah sekolah di Malaysia iaitu Sekolah Kebangsaan Taman Sri Rampai, Sekolah Kebangsaan Klias Kecil Beaufort Sabah, Sekolah Kebangsaan Methodist Perak dan Sekolah Kebangsaan Seri Setia, Johor.

BAB 2

LITERASI KAJIAN

Bahagian Literasi Kajian telah dibahagikan kepada 8 bahagian: 1) Didik Hibur di Malaysia; 2) Pelaksanaan kaedah Didik Hibur; 3) Ciri-Ciri Didik Hibur; 4) Kajian Didik Hibur; 5) Didik Hibur Berasaskan Nyanyian; 6) Didik Hibur Berasaskan Nyanyian Untuk Mata Pelajaran Matematik; 7) Didik Hibur dan Motivasi Belajar, dan: 8) Motivasi Belajar Pelajar.

2.1 Didik Hibur di Malaysia

Menurut Nordin Mamat (2001), unsur didik hibur yang diimplimentasikan adalah sebuah langkah dalam Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) dalam kalangan pelajar adalah sebuah langkah bijak dari pihak pendidikan. Kaedah ini diperkenalkan daripada guru kepada murid sebagai kaedah yang baru untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Matlamat utama perlaksanaan adalah untuk memahirkan penguasaan sesuatu mata pelajaran dalam kalangan murid melalui pendekatan didik hibur. Oleh itu, cara ini dapat mengurangkan kebimbangan dan ketakutan kepada murid apabila menggunakan didik hibur yang berkonsepkan santai dan berhibur.

2.2 Pelaksanaan kaedah Didik Hibur

Untuk merealisasikan hasrat transformasi negara, kerajaan memperkenalkan penggunaan kaedah didik hibur di sekolah rendah dan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih interaktif serta memahami kehendak murid (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003). Penyampaian ilmu yang disampaikan oleh guru akan mudah diserap dan difahami oleh murid. Didik hibur adalah sebuah pendekatan yang bersifat positif, ceria, terkawal yang mempunyai beberapa elemen yang penting untuk melaksanakannya. Antara empat elemen tersebut ialah, nyanyian, lakonan, puisi dan bercerita. Menurut Shamsudin dan Abdul Rasid (2013), untuk meningkatkan prestasi murid secara keseluruhan dalam mempelajari setiap mata pelajaran di sekolah akan dapat dirancang dengan pelan pembelajaran yang bersistematik dan bermotivasi.

Menurut Mazlan Ismail (2016), pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah didik hibur adalah merupakan sebuah kaedah yang baru dan sesuai untuk zaman moden kini. Didik hibur merangkumi elemen berhibur seperti nyanyian, bercerita, lakonan dan jenaka. Pengajaran dan pembelajaran yang sistematik boleh membantu untuk meningkatkan kualiti belajar khususnya untuk mata pelajaran yang sukar diterima oleh pelajar seperti mata pelajaran matematik. Didik hibur dilaksanakan mengikut silibus dan isi kandungan setiap mata pelajaran dengan menggunakan pelbagai elemen yang telah dirancang secara sistematik. Dengan adanya kaedah ini dapat menimbulkan rasa ingin tahu sesi pembelajaran terhadap murid serta dapat mempraktikkan kemahiran berfikir aras tinggi KBAT (Mazlan Ismail, 2016).

Bagi melaksanakan sebuah pelan pembelajaran, para guru dicadangkan untuk merancang aktiviti berasaskan didik hibur tersebut dahulu. Oleh itu, isi perancangan tersebut perlulah mengetahui sedikit sebanyak latar belakang murid murid dan mengaplikasikan kaedah didik hibur dengan mengikut kesesuaian latar belakang murid. Menurut Mohd Razak Mohd Nordin (2015), dengan adanya maklumat latar belakang murid, para guru dapat mengetahui cara dan kaedah untuk menarik perhatian setiap murid serta mampu menyediakan strategi dan teknik mengajar yang sesuai dan menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan membawa kesan yang maksimum terhadap prestasi dan juga motivasi murid.

2.3 Ciri-Ciri Didik Hibur

Menurut Ahmad Kamal (2013), antara ciri ciri Didik Hibur adalah seperti berikut:

Yang pertama adalah sesi pengajaran yang menyeronokkan kerana ia termasuk aspek lucu, permainan muzik, lakonan, nyanyian dan sebagainya. Kedua, mengurangkan kebimbangan dan ketakutan di kalangan daripada pendidik kalangan pelajar. Idea hiburan dan pendidikan yang menyeronokkan, seperti yang dijelaskan sebelum ini. Oleh itu, pelajar sentiasa di dalam suasana pembelajaran yang positif dan diharapkan untuk bermotivasi belajar pada sesi keesokan harinya. Ketiganya, satu sesi pengajaran penuh dengan pelbagai operasi yang menarik dan pelbagai. Melalui elemen menyanyi dan berlakon, pelajar dapat memainkan peranan dengan melibatkan diri dalam aktiviti sambil berseronok. Tumpuan

kepada penyampaian guru adalah arahan guru untuk dapat dilihat dan difahami oleh pelajar. Di samping menggunakan ICT (Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Teknologi Komunikasi Maklumat) dan BBM (Alat Bantu mengajar) untuk menarik pelajar. untuk mengajar dan belajar. (Ahmad Kamal, 2013, Muka Surat 3)

Didik Hibur ialah kaedah pembelajaran terbaru dalam pendidikan untuk mengajar subjek dengan menumpukan pada penggunaan dan pemahaman dan penyerapan sekeliling pelajar. Penyerapan adalah kaedah menyerap pelbagai bidang pemahaman, nilai, kesucian dan kebolehan nilai tambah yang dipelajari semasa pengajaran dan pembelajaran (Kementerian Pendidikan, 2010).

Terdapat empat unsur penyerapan sedia ada dalam pengajaran dan pembelajaran, iaitu pelbagai bidang ilmu serta tema, semangat kewarganegaraan dan nilai murni masyarakat Malaysia, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, dan kemahiran bernilai tambah. Didik hibur dimasukkan dalam penyerapan penyerapan jenis kepakaran dan topik yang berbeza. Penyerapan dalam modul ini membayangkan proses menyerap kefahaman menerusi pelbagai operasi santai dalam pengajaran dan pembelajaran sesuatu topik.

2.4 Kajian berkaitan tentang Didik Hibur

Eliza Ramlee (2013) menggunakan pendekatan didik hibur untuk mengajar Bahasa Melayu. Menurut beliau, terdapat banyak kaedah untuk menjana idea pelan pengajaran dan menghasilkan pembelajaran yang lebih menyeronokkan. Kaedah nyanyian adalah diantara kaedah yang paling biasa di kalangan pelajar kerana iringan muzik memberi impak lagu dan dapat membantu perbendaharaan kata pelajar intonasi, bacaan dan struktur ayat. Elemen nyanyian yang digunakan adalah sesi pengajaran dan pembelajaran yang mencerikan

suasana pembelajaran yang memperkuat unsur-unsur asas kebolehan bahasa dan membantu pelajar mudah mengingat apa yang mereka pelajari. Konsep melaksanakan kaedah nyanyian adalah guru yang memilih lagu yang sesuai (tatabahasa, makna bahasa), melodi yang mudah diikuti, lagu ini mempunyai jalan cerita, latihan, motivasi dan nilai sesuai dengan tahap kesediaan dan pencapaian, dan tidak membebankan guru dan pelajar. Tiga Kupang, Air Pasang Pagi, Oh Bulan dan Si Katak Lompat adalah antara lagu yang menarik untuk digunakan.

Hasil Kajian Eliza Ramlee ini membuktikan penggunaan didik hibur berasaskan nyanyian berupaya untuk meningkatkan pembelajaran bahasa dan membantu perbendaharaan kata pelajar. Selain itu, kaedah ini juga membantu pelajar untuk mengingat apa yang dipelajari. Pada tahun seterusnya, kajian Mazura Sulaiman (2014), juga menyampaikan sebuah matlamat yang hampir sama tetapi dengan pendekatan yang berbeza dari segi lagu yang digunakan. Kajian Eliza Ramlee menggunakan lagu lagu rakyat seperti Tiga Kupang, Air Pasang Pagi, Oh Bulan dan Si Katak Lompat. Manakala kajian Mazura Sulaiman menggunakan 3 buah lagu iaitu Pok Pok Pok Bujang Lapok, Maafkan Kami dan Malam Bulan di Pagar Bintang.

Pada tahun yang berikutnya, Mazura Sulaiman (2014), mengkaji pendekatan didik hibur menggunakan lagu-lagu dalam filem pahlawan Pendekar Bujang Lapok yang digunakan untuk sesi pengajaran dan pembelajaran disekolah. Penyelidikan ini melibatkan sejumlah 25 orang murid tahap satu yang tinggal di asrama di sebuah sekolah. Pok Pok Pok Bujang Lapok, Maafkan Kami dan Malam Bulan di Pagar Bintang adalah lagu-lagu yang menjadi instrumen kajian ini. Gabungan unsur didik hibur dan modul seni linguistik serta gabungan kebolehan lisan dan membaca, enam aktiviti pengajaran dan pembelajaran telah dirancang menggunakan lagu-lagu. Perancangan aktiviti ini juga mengambil kira tahap

penguasaan kemahiran bahasa pelajar di peringkat LINUS. Penemuan menunjukkan bahawa tiga lagu itu cukup penting untuk digunakan oleh murid-murid untuk sesi pengajaran dan pembelajaran dan mempelajari kemahiran bahasa Melayu setiap kali lagu digunakan dan menggunakan kaedah, teknik dan aktiviti yang sesuai seperti didik hibur.

Hasil kajian Eliza Ramlee dan Mazura Sulaiman mempunyai dapatan kajian yang sama tetapi berbeza dari segi target populasi dan metodologi kajian. Walaubagaimanapun, kedua-dua kajian ini memberi impak yang sama dengan membuktikan kebolehan menggunakan lagu dan muzik adalah sebuah cara yang baru untuk pedagogi dalam pendidikan (PdP). Kajian ini bersesuaian dengan kajian menggunakan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian untuk pembelajaran mata pelajaran matematik. Kedua-dua kajian ini boleh menjadi bahan sokongan untuk kajian seterusnya.

Pada tahun 2013, kajian mengenai didik hibur melalui penyelidikan kemudahan pelajar dalam mencapai kebolehan membaca dalam Bahasa Melayu di kalangan murid-murid miskin telah dijalankan oleh Eda Muryanti (2013), kajian ini menentukan keberkesanan amalan mempromosikan pelajar untuk meningkatkan kebolehan membaca di kalangan murid tahun 3. Kajian dilakukan ke atas 15 pelajar tahun 3 yang juga terlibat dengan program LINUS di Sekolah Kebangsaan Pekan Kinarut, Papar. Untuk mencapai matlamat kajian ini, penyelidikan kuantitatif digunakan untuk mengumpul data dan maklumat penyelidikan seperti pelaksanaan pra-ujian dan ujian pos pada responden kajian dan penggunaan borang soal selidik. Hasil kajian Eda Muryanti, mendapati bahawa pasca ujian pada semua pelajar Tahun 3 didapati bahawa kebolehan membaca pelajar dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih baik. Seramai empat orang memperolehi band empat menguasai kaedah ejaan dengan laju tidak seperti sebelum pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan kaedah didik hibur,

Seterusnya dua orang murid telah berjaya memperolehi band lima, iaitu dapat membaca tanpa mengeja huruf-huruf yang diberikan.

Penyelidik Eda Muryanti membuktikan bahawa penggunaan kaedah didik hibur untuk pembelajaran mata pelajaran bahasa melayu berkesan dan efektif. Banyak penyelidikan yang melibatkan mata pelajaran Bahasa Melayu dan didik hibur dah mendapati hasil kajian yang sesuai untuk Pedagogi dalam Pendidikan masa kini.

Jika kita lihat untuk tahun yang berikutnya iaitu pada tahun 2015, 2016 dan seterusnya tahun 2017 penyelidikan berkaitan tentang kaedah didik hibur masih dijalankan untuk membuat tinjauan keberkesanan kaedah tersebut. Kajian Hj. Mohd Razak Mohd Nordin dan Masitah Ahmad (2015) telah membuat tinjauan untuk melihat dan menilai sejauh mana strategi pendekatan didik hibur untuk menarik minat pelajar Orang Asli untuk mendalami pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Beberapa aktiviti seperti menyanyi, bercerita, lakonan dan puisi termasuk dalam pendekatan didik hibur telah dilakukan. Tujuan penyelidik adalah untuk menentukan sama ada kaedah pendekatan didik hibur adakah dapat menarik minat pelajar Orang Asli berbanding pendekatan tradisional untuk mata pelajaran Bahasa Melayu. Hasilnya menunjukkan bahawa pendekatan didik hibur ini dapat meningkatkan motivasi pelajar, minat dan penglibatan keseluruhan. Di samping mewujudkan suasana yang menyeronokkan dan kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran.

Pada tahun 2016 kajian didik hibur diteruskan lagi dengan menggunakan pendekatan didik hibur dengan menggunakan kaedah lakonan (Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali dan Shamsudin Othman, 2016). Tujuan kajian ini adalah untuk memperoleh data bertulis tentang peningkatan penulisan karangan menggunakan teknik didik hibur dalam kalangan guru Bahasa Melayu di kawasan Putrajaya. Kajian ini bertujuan untuk melihat pendekatan didik hibur dari segi lakonan dan untuk menentukan elemen lakonan yang digunakan dalam

pengajaran penulisan karangan menggunakan teknik didik hibur. Sejumlah 80 sampel dipilih untuk kajian ini yang terdiri daripada pendidik yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah menengah di Putrajaya. Menggunakan instrumen soal selidik, kajian ini dilakukan secara kuantitatif. Soal selidik terdiri daripada demografi, strategi dan kaedah penulisan yang digunakan oleh kaedah kuliah peserta, komponen bertindak yang digunakan dalam penyelidikan kemudahan dan isu-isu yang dihadapi oleh kaedah kemudahan dalam menyusun esei. Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa teknik didik hibur yang digunakan dalam pengajaran Bahasa Melayu dapat meningkatkan penulisan karangan.

Pada tahun seterusnya, pengkaji Zanariah Wahab, Zamri Mahamod (2017), mengkaji tahap kesedaran, sikap dan kebolehan pendekatan mengajar menggunakan kaedah Didik Hibur di kalangan guru sekolah rendah Melayu di Daerah Sepang, Selangor. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji perbezaan antara guru sekolah rendah Melayu antara pembolehubah dan kepakaran penduduk, sikap dan kebolehan dalam mengaplikasikan strategi Didik Hibur. Reka bentuk tinjauan digunakan dalam kajian ini dan semua maklumat telah dikumpulkan melalui soal selidik. Sampel kajian berjumlah 140 pendidik yang mengajar Bahasa Melayu dan secara rawak dipilih dari 23 sekolah di daerah Sepang. Menurut Zanariah Wahab, Zamri Mahamod (2017), dapatan kajian ini mendapati bahawa guru-guru Bahasa Melayu sekolah rendah di Daerah Sepang Selangor mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi tentang pendekatan didik hibur dan tahap sikap yang tinggi terhadap penggunaan pendekatan didik hibur. Namun begitu tahap kemahiran melaksanakan pendekatan didik hibur dalam kalangan guru-guru berada di tahap yang sederhana dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan ditemui antara faktor demografi (pemboleh ubah tidak bersandar) iaitu lokasi sekolah, jantina, pengalaman mengajar, opsyen

dan kekerapan menggunakan Didik Hibur dengan ketiga-tiga pemboleh ubah bersandar iaitu pengetahuan, sikap dan kemahiran melaksanakan pendekatan Didik Hibur dalam kalangan guruguru Bahasa Melayu sekolah rendah di Daerah Sepang.

Tay Meng Guat (2015) menjalankan kajian untuk mengetahui tahap kesediaan dan persepsi pelajar institut pendidikan guru terhadap pengaplikasian dan kesesuaian pendekatan didik hibur untuk pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Ismail Affero, Mohd Zahar Kusnun (2016), mengkaji jumlah minat pelajar dan faktor yang mempengaruhi minat pelajar dalam topik matematik di dua sekolah rendah di daerah Pontian. Hasil kajian menunjukkan bahawa kadar minat pelajar dan pemboleh ubah mempengaruhi minat pelajar dalam mata pelajaran matematik peringkat tinggi. Di samping itu, tahap pendidikan dan pendapatan ibu bapa responden mempengaruhi dan memberi kesan kepada minat pelajar dalam topik matematik. Seiring dengan dapatan kajian Tay Meng Guat menunjukkan bahawa pelajar institut pendidikan guru bersikap positif dan mempunyai keyakinan terhadap kebolehgunaan dan kesesuaian pengajaran dan pembelajaran pendekatan didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Mereka juga mempunyai kesedaran bahawa pembelajaran berasaskan didik hibur mampu meningkatkan prestasi pengajaran dalam bilik.

Shaffe Mohd Daud, Ramli Basri, Roselan Baki, Sahandri Ghani Hamzah dan Mokhtar Nawawi (2011), menghasilkan sebuah kajian didik hibur berasaskan jenaka. Tinjauan mengenai pengaruh amalan jenaka terhadap pengajaran dan pembelajaran. Hasil kajian mendapati persekitaran pembelajaran yang menyenangkan yang dapat dibangunkan sekiranya para pendidik membuat jenaka semasa mengajar dan belajar di dalam bilik darjah. Hasil kajian menunjukkan hubungan antara kajian dan kaedah pembelajaran menggunakan

pendekatan pengajaran jenaka adalah salah satu ciri yang sesuai untuk teknik dan pembelajaran yang berkesan dalam pendekatan didik hibur.

Ramlah Jantan, Nor Afni Resad, Fathimah Az-Zahra Mohd Fauzi (2016). Kajian didik hibur dalam kalangan guru prasekolah di Daerah Gombak. Kajian untuk mengenal pasti penggunaan teknik didik hibur untuk meningkatkan keupayaan celik huruf di kalangan kanak-kanak prasekolah. Ini kerana penyelidikan mengenai teknik didik hibur masih kurang dalam kalangan murid pra-sekolah kerana teknik didik hibur adalah teknik yang baru, tetapi teknik ini telah dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar pada tahap 1 (tahun 1, 2 dan 3) yang mengikuti program LINUS. Metodologi kajian adalah kajian menggunakan soal selidik pengumpulan maklumat. Kajian sampel terdiri daripada 80 guru pra sekolah yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, yang mengambil daripada Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan di daerah Gombak. Pilihan responden diperkenalkan secara rawak untuk mewakili penduduk guru di rantau Gombak. Hasilnya menggambarkan bahawa kebanyakan pendidik prasekolah percaya bahawa pelajar mendapati gaya pembelajaran pendekatan didik hibur dan pendidik mudah untuk diterima. Mereka menemui teknik didik hibur untuk menjadi cekap dalam meningkatkan keupayaan celik huruf di kalangan anak-anak pra-sekolah.

2.5 Didik Hibur Berasaskan Nyanyian

2.5.1 Istilah *Earworm* (*Involuntary Musical Imagery*)

Istilah *earworm* berasal dari perkataan German iaitu 'Ohrwurm' (Kellaris, 2001). Istilah *earworm* atau juga dikenali sebagai *Involuntary Musical Imagery (IMI)* merupakan sebuah istilah yang boleh dikaitkan dengan Didik Hibur berasaskan nyanyian. Menurut Floridou, Williamson, Müllensiefen (2012) *earworm* adalah sebuah istilah yang menggambarkan pengalaman sesebuah melodi atau lagu yang terjebak ke dalam minda seseorang selepas mendengar sama ada sedar mahupun diluar kawalan.

Antara ciri lagu lagu *earworm* adalah tempo yang laju, *beat* yang rancak, irama lagu yang mudah dan berulang ulang juga boleh menyumbang kepada *earworminess* (Holohan, 2016). Hasil kajian Jakubowski (2017) melaporkan, umumnya, lagu lagu *earworm* terdiri daripada genre muzik lagu pop atau lagu rakyat. Müllensiefen dan Halpern (2014) menjalankan kajian di mana peserta mendengar melodi lagu lagu pop dan dinilai, mendapati lagu lagu seperti ini amat membantu memori dan boleh menjadikan lagu lagu ini sebagai kaedah penghafalan kerana mudah untuk diserapkan di dalam minda. Ini menunjukkan lagu yang bercirikan *earworm* boleh membantu dalam PdP (Pedagogi Dalam Pendidikan) Didik Hibur yang berasaskan nyanyian. Memudahkan murid untuk menghafal dan memahami formula formula matematik, pada masa yang sama dapat meningkatkan motivasi belajar murid di dalam kelas.

Kaedah didik hiburan berasaskan nyanyian sangat relevan digunakan untuk PdP (Pedagogi Dalam Pendidikan). Penggunaan lagu lagu *earworm* yang semudahnya lekat di minda murid memberikan perkaitan yang terbesar untuk sistem pembelajaran masa kini dengan menggabungkan muzik dan mata pelajaran matematik khususnya. Jadi melalui

sejarah pembelajaran manusia, kebanyakan orang menghafal maklumat penting melalui lagu (Chatterjee, 2012).

Antara contoh Didik Hibur berasaskan nyanyian ialah lagu A B C. Nyanyian lagu A B C pertama kali dilindungi hak cipta pada 1835 oleh penerbit muzik Boston iaitu Charles Bradlee. Menurut Hinson (2001), melodi lagu A B C di inspirasikan daripada lagu Twinkle, Twinkle, Little Star dan juga Baa, Baa, Black Sheep, yang berasal daripada kumpulan lagu kanak-kanak (Nursery songs).

Horrible Histories adalah sebuah program TV dibawah saluran Children's British Broadcasting Corporation (CBBC), merupakan siaran komedi British berintipatikan mata pelajaran Sejarah Eropah dan dihasilkan melalui nyanyian lagu sejarah berserta lakonan menggunakan lagu-lagu pop English. Siaran itu dihasilkan untuk oleh produksi Lion Television bersama Citrus Television dari tahun 2009 hingga 2013 untuk lima siri rancangan televisyen (Scanlon & Margaret, 2011). Horrible Histories adalah satu program tv yang membawa konsep didik-hibur berasaskan nyanyian untuk mata pelajaran sejarah di Eropah serta disiarkan di saluran CBBC. Ia juga merupakan sebuah rancangan TV yang membawa gaya grafik dan kandungan penuh siri buku sejarah.

CMN Academy (2019), merupakan sebuah *website* yang diperkenalkan untuk mempelajari matapelajaran matematik menggunakan didik-hibur. Dalam *live website* tersebut ini, seorang guru, yang dikenali sebagai Cikgu Isa mentakrifkan pembelajaran berasaskan aktiviti dari modul matematik *funtastic*. Betapa mudahnya menggunakan matematik apabila menggunakan kaedah yang menarik (Kaedah didik-hibur) untuk membantu dalam mengajar seperti yang ditemui dalam Modul Buku *Funtastic*.

2.6 Didik Hibur Berasaskan Nyanyian Untuk Mata Pelajaran Matematik

Menurut Mohamad Zaki (2001), menggunakan nyanyian untuk mempelajari mata pelajaran matematik untuk menghafal formula matematik dan menyelesaikan masalah pengiraan telah diperkenalkan melalui sebuah Formula KASDIM atau dikenali sebagai Kaedah Ahsahri dalam Inovasi Matematik merupakan suatu kaedah pembelajaran dan pengajaran.

Kaedah Ahsahri dalam Inovasi Matematik (KASDIM), sebuah formula yang dapat memahirkan matematik melalui nyanyian. Menurut beliau:

“Menyanyi dapat meningkatkan kecekapan seseorang dalam mengira. Hal ini dibuktikan dengan penemuan formula mengira sambil menyanyi KASDIM.” (Fazlin Mohamad Zaki, 2001)

Ahsahri Kasdi, 32 tahun yang merupakan guru yang kreatif dan inovatif. Beliau pernah dianugerahkan sebagai pemenang tempat ketiga Guru Inovatif Sekolah Rendah sempena Hari Guru Peringkat Kebangsaan pada tahun 2000. Merupakan guru di Sekolah Kebangsaan Sri Setia Jaya, Tanjung Sedili, Kota Tinggi, Johor. Kaedah KASDIM ini sesuai untuk pelajar sekolah rendah tahap satu dan dua (Fazlin Mohamad Zaki, 2001).

Ahsahri Kasdi (2001) berkata, matlamat utama pengenalan KASDIM ialah untuk memudahkan dan menguatkan daya ingatan pelajar mengenai asas matematik dan hafalan sifir. Sehingga kini, terkumpul sebanyak 13 buah lagu formula matematik (Ahsahri, 2011) hasil ciptaan Ahsahri Kasdi yang bertajuk ‘Belajar Matematik Sambil Bernyanyi’ sesuai untuk murid-murid tahun satu hingga enam, atau juga sesuai bagi kumpulan pelajar lemah untuk menghafal sifir.

2.7 Didik Hibur dan Motivasi Belajar

“Pengajaran bukan sekadar melihat pelaksanaan yang sistematis dan berkesan, namun aspek keselesaan dan keseronokan pelajar, soal psikologis dan emosional sepatutnya turut diambil kira.” (Roselan Baki, 2006).

Menurut Roselan, pengajaran yang progresif dan menyeronokkan sangat relevan dengan Pendidikan semasa. Pengajaran yang kreatif mampu menarik minat untuk sesi pembelajaran yang efektif. Dengan adanya minat yang lahir daripada murid itu sendiri, ia dapat meningkatkan keinginan mereka untuk pintar dalam mata pelajaran yang dipelajari.

Dalam kajian Gardner (2005) beliau ada merujuk penemuan daripada kajian Keller (1983) menyatakan bahawa motivasi adalah pilihan yang dibuat oleh individu tentang pengalaman, matlamat serta usaha yang dilakukan untuk mencapai atau mengelak sesuatu tujuan. Selain itu, motivasi juga merupakan kesungguhan seseorang dalam tindakan untuk menyelesaikan sesuatu perkara (Brophy, 1998; Pintrich & Schunk, 1996). Penetapan matlamat membawa kepada dua orientasi yang berbeza, iaitu intrinsik dan ekstrinsik.

Menurut Lepper, Iyengar, dan Corpus (2005), motivasi ekstrinsik lahir apabila seseorang hanya melakukan aktiviti yang memberi manfaat kepadanya. Motivasi ekstrinsik dapat diambil kira dalam bentuk pujian, hadiah, gred dan membentuk suasana atau persekitaran yang kondusif bagi mendorong seseorang pelajar untuk belajar. Sebagai guru yang berwawasan, mereka perlu menggunakan pelbagai kaedah untuk mewujudkan motivasi ekstrinsik dalam kalangan murid-muridnya. Lantaran itu, didik hibur adalah salah satu dari kaedah yang kreatif serta efektif. Melalui kaedah didik hibur, guru akan dapat meningkatkan minat dan rasa ingin tahu murid terhadap pengajarannya. Guru yang membuahkan semangat motivasi terhadap pelajar, akan membantu seseorang pelajar untuk berjaya dalam sebuah

mata pelajaran. Guru bertanggungjawab untuk mengekalkan suasana belajar yang positif di samping dapat melahirkan motivasi ekstrinsik dalam kalangan pelajar untuk belajar mata pelajaran Matematik khususnya.

Menurut Coon dan Mitter (2010), motivasi Intrinsik adalah apabila seseorang individu terdorong melakukan sesuatu perkara yang dipengaruhi oleh faktor dalaman atas sebab kepuasan dirinya sendiri tanpa memerlukan balasan mahupun hadiah. Motivasi intrinsik wujud dengan adanya aktiviti-aktiviti yang memberi pengalaman bermakna kepada seseorang hingga kesedaran yang positif meresap masuk ke dalam jiwanya. Proses pengajaran dan pembelajaran dididik hiburan, secara tidak langsung akan merangsang motivasi intrinsik sedia ada pelajar kerana ianya berkaitan dengan pengalaman sedia ada murid-murid sekolah rendah.

Motivasi belajar sangatlah penting untuk menjana hasil yang baik dalam prestasi setiap murid. Tanpa motivasi, pelajar kurang berminat dan secara tidak langsung mengendahkan atau kurang mengambil tahu ilmu yang penting. Dengan wujudnya perasan tidak mengendahkan ilmu, maka hasilnya kegagalan setiap pelajar meningkat. Sesungguhnya, keberhasilan seorang guru untuk menimbulkan rasa semangat dan motivasi mereka untuk belajar amatlah penting. Kerana pada dasarnya, para guru yang mewujudkan rasa dan motivasi diri dalam setiap individu di dalam kelas terutamanya untuk golongan murid tahap satu yang masih mencari dan mengenali maksud menimba ilmu itu. Menurut Posamentier (2017), salah satu aspek yang penting dalam sesi pembelajaran ialah, memotivasi pelajar untuk bersemangat untuk belajar matematik dan aspek kritikal dari mana-mana kurikulum. Guru yang memberi tumpuan kepada pelajar yang kurang berminat serta yang termotivasi adalah guru yang berjaya mengajak mereka bersama-sama menyertai sesi pembelajaran.

2.8 Kajian berkaitan tentang Motivasi Belajar.

Kajian Zamrah (1999), menunjukkan bahawa sikap yang bermotivasi, dapat menghasilkan perwatakan manusia yang berwibawa dan berwawasan. Seorang pelajar yang bertanggungjawab untuk pendidikannya akan sentiasa menyelesaikan tugas dan sentiasa akan menghadiri kelas, bersedia untuk belajar dan sentiasa berusaha dalam pendidikannya (Kamaruddin, 1997). Salah satu pencapaian pelajar dalam bidang pembelajaran adalah perkembangan sikap guru mengajar di mana sikap itu mempunyai hubungan erat dengan komitmen pembelajaran pelajar untuk memahami dan menyelesaikan tugas sebagai seorang guru. (Azrul, 1988). Tambahan pula, Suradi (1987) mendapati bahawa sikap pendidik akan mempengaruhi minat dan usaha ke arah pencapaian pelajar. Sikap buruk terhadap guru dapat melemahkan minat dan motivasi pelajar dalam topik yang diajar oleh guru.

Impak kebimbangan yang tinggi terhadap topik tertentu juga memberi kesan kepada pencapaian pelajar. Juga ditemui dalam penyelidikan Quek (2006) bahawa minat mempunyai kesan yang baik terhadap pencapaian pelajar dalam matematik. Ini dapat dilihat dari keseronokan dan percubaan murid semasa mempelajari topik matematik. Pelajar yang mendapat dorongan yang positif akan rajin berusaha sehingga boleh mencapai tahap yang maksimum. Faedah adalah faktor penting dalam mempromosikan pelajar untuk terlibat dalam sesi pembelajaran (Omardin, 1996). Ismail (1992) menggalakkan pengisytiharan itu dengan menyatakan minat terhadap sesuatu atau aktiviti yang akan menggalakkan pelajar untuk meneroka lebih lanjut.

Norlia Abd Aziz, T. Subahan M. Meerah, Lilia Halim, Kamisa Osman (2006). Melakukan kajian untuk menentukan hubungan antara motivasi, gaya pembelajaran dengan pencapaian pelajar Matematik Tambahan 4. Penemuan kajian deskriptif mendapati bahawa pelajar telah meningkatkan motivasi dalaman berbanding dengan motivasi luaran, serta gaya permukaan latihan dan reka bentuk mendalam dari gaya yang dijadualkan dan berterusan. Matematik tambahan mempunyai hubungan dengan gaya pembelajaran secara mendalam, mudah dan teratur.

Selari dengan kajian Nasirah Ismail, Norhasliza Abdullah, Siti Zubaidah Saharudin, yang menjalankan kajian untuk menentukan hubungan motivasi, gaya pembelajaran dengan pencapaian Matematik Kejuruteraan untuk pelajar semester akhir Diploma Kejuruteraan di Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran mendalam dengan motivasi dalaman. Terdapat implikasi kajian yang sama dimana faktor motivasi memainkan peranan penting dalam menentukan pemilihan gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar.

Kedua dua kajian memberi signifikan yang sama mengenai gaya pembelajaran mendalam amat berkait rapat motivasi dalaman. Hasil analisis bagi faktor motivasi, didapati nilai min bagi motivasi dalaman lebih tinggi berbanding dengan motivasi luaran. Hasil penilaian inferens menunjukkan hubungan yang lemah antara gaya pengajaran dan pencapaian pelajar.


Afzal Hasan, M. Aslam Khan, Imran Ali, Hamid Kashif (2010), menghasilkan kajian untuk mengenal pasti pengaruh motivasi pelajar terhadap pencapaian akademik. Sebanyak 342 sampel individu yang menuntut di universiti yang berbeza di Pakistan telah dipilih. Terdapat tiga puluh soalan "Motivasi Pelajar dan Kepuasan Pelajar Universiti", yang digunakan untuk mengukur motivasi ekstrinsik dan intrinsik pelajar, dan bahagian terakhir

berkaitan dengan prestasi akademik para pelajar. Kajian menunjukkan bahawa motivasi belajar dengan motivasi ekstrinsik dan motivasi intrinsik mempunyai kesan positif terhadap prestasi akademik pelajar.

Ini membuktikan bahawa motivasi sangat berkait rapat dengan prestasi akademik pelajar. Kajian ini seiring dengan kajian Fuqoha, Budiyo, Indriati (2018). Kajian yang berkaitan untuk mengetahui motivasi pembelajaran matematik di kalangan pelajar sekolah menengah. Kaedah pengumpulan data dijalankan dalam bentuk tinjauan yang dijalankan di Purbalingga. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik motivasi untuk belajar matematik. Keputusan menunjukkan bahawa pelajar di kedua-dua sekolah mempunyai motivasi tinggi untuk mempelajari matematik. Berdasarkan hasil temuduga dari 3 orang pelajar, mereka ingin menggunakan media pembelajaran yang baik yang mempunyai tiga ciri, yang merupakan medium pembelajaran yang mengajar para pelajar agar bermotivasi yang dapat membawa rasa keseronokan. Oleh itu, sebagai tambahan kepada pembelajaran motivasi yang tinggi, pemahaman bahan matematik yang disokong oleh penggunaan media pembelajaran yang baik juga diperlukan.

2.9 Perkaitan dalam Penyelidikan

Persoalan utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti keberkesanan penggunaan kaedah didik hibur untuk pembelajaran matematik dalam kalangan murid sekolah kebangsaan Taman Sri Rampai. Berdasarkan kajian literasi yang telah dibincangkan di bab dua, kajian kajian terdahulu menyokong perbincangan kajian ini yang mempunyai perkaitan dan hubungan yang rapat untuk kajian ini. Jika kita lihat pautan seperti yang terdapat gambar rajah dibawah, penyelidik mengaitkan setiap daripada kunci utama penyelidikan untuk mendapatkan hasil kajian yang akan dibincangkan di bab 3.



Objektif utama kajian ini adalah untuk melihat keberkesanan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian iaitu Pedagogi dalam Pendidikan (PdP) keatas murid Sekolah Kebangsaan Taman Sri Rampai. Menurut kajian Eliza Ramlee (2013) dan Mazura Sulaiman (2014), keberkesanan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian yang mengambil kira tahap penguasaan kemahiran bahasa pelajar membuktikan bahawa kaedah ini berkesan untuk sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Kajian dari Ahsahri Kasdi (2001) yang merupakan pencipta inovasi lagu lagu matematik menyatakan “Menyanyi dapat meningkatkan kecekapan seseorang dalam mengira dan juga menghafal sifir hanya dengan lagu”. Dikaitkan dengan istilah *Earworm* ataupun dikenali sebagai *Involuntary Musical*

Imagery (INMI). Müllensiefen dan Halpern (2014) menjalankan kajian di mana peserta mendengar melodi lagu lagu pop atau dikenali sebagai lagu lagu *earworm* dan dinilai, mendapati lagu lagu seperti ini amat membantu memori dan boleh menjadikan lagu lagu ini sebagai kaedah penghafalan kerana mudah untuk diserapkan di dalam minda. Ditambah lagi dengan, populasi kajian ini ialah dikalangan pelajar sekolah rendah tahap satu yang cenderung untuk menjadikan lagu lagu pop menjadi genre kegemaran, dimana lagu lagu yang sentiasa didengari menjadi hiburan di dalam kehidupan seharian. Murid murid di sekolah Kebangsaan Taman Sri Rampai menjadi populasi utama kajian menggunakan kaedah temu bual dan juga pemerhatian yang akan dibincangkan di bab tiga dan empat. Perkaitan antara motivasi, keberkesanan didik hibur dan prestasi pelajar disatukan untuk memberi satu figura yang jelas berkenaan tentang kajian ini. Hubungan di antara motivasi dan didik hibur jelas dilihat menerusi kajian terdahulu daripada Nasirah Ismail, Norhasliza Abdullah, Siti Zubaidah Saharudin yang menyatakan terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran mendalam dengan motivasi dalaman. Juga ditemui dalam penyelidikan Quek (2006) bahawa minat mempunyai kesan yang baik terhadap pencapaian pelajar dalam matematik. Minat disini disemai dan dibangkitkan melalui kaedah pengajaran dengan menggunakan Pedagogi dalam Pendidikan yang efektif seperti didik hibur berasaskan nyanyian. Jika diperhatikan motivasi, didik hibur dan prestasi pelajar amat berkait rapat antara satu sama lain, seseorang individu melahirkan rasa motivasi untuk belajar dalam diri sekiranya terdapat sesuatu yang menyokong seperti belajar menggunakan didik hibur dan akhirnya mendapat prestasi yang selaras dengan usaha dan minat. Hasil kajian Sinclair (2008) antara sebab yang paling umum untuk memilih pengajaran mencerminkan penilaian diri positif (motivasi) terhadap sifat dan keupayaan mereka untuk menjadi gurukan yang boleh menimbulkan sifat motivasi dalam diri pelajar dan menghasilkan hasil yang baik. Secara konklusinya, motivasi adalah faktor tunggal yang paling penting dalam menentukan kejayaan

pelajar untuk mencapai matlamat mereka (Dörnyei, 1994; Dörnyei & Ushioda, 2011; Gao & Lamb, 2011).

University of Malaya

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

Bahagian Metodologi Kajian akan memperlihatkan beberapa bahagian iaitu bahagian: 1) Pengenalan; 2) Reka Bentuk Penyelidikan; 3) Sampel Kajian; 4) Instrumentasi Kajian; 5) Prosedur Analisis data, dan; 6) Rumusan.

3.1 Pengenalan

Penyelidikan adalah sebuah proses dalam pembuatan maklumat baru dan secara khusus bertujuan untuk bertindak balas terhadap "ketidakpastian". Penyelidikan dilakukan kerana ketidakpastian sesuatu atau fenomena yang telah, semasa atau sebelum (Chua, 2006).

Ianya perlu dilakukan mengikut metodologi tertentu yang telah tersedia ada khusus untuk memperoleh data terkini (Che Mahzan Ahmad, 2017). Metodologi adalah aspek yang penting yang perlu dipertimbangkan semasa menjalankan kajian kerana ia merupakan teknik bagaimana kajian dijalankan. Ini dapat membantu memastikan kajian itu dapat dilakukan dengan cara tersusun dan, seterusnya, hasil kajian yang cemerlang.

3.2 Reka Bentuk Penyelidikan

Kaedah kualitatif iaitu kajian kes telah digunakan sebagai metod untuk menjalankan kajian ini. Hasil daripada kajian ini iaitu keberkesanan penggunaan kaedah didik hibur untuk pembelajaran matematik di kalangan murid sekolah rendah menggunakan tiga kaedah iaitu, kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen.

Kajian ini melibatkan tujuh orang guru yang mengajar mata pelajaran Matematik. Kriteria memilih guru-guru ini untuk dijadikan peserta kajian berdasarkan kepentingan pengalaman peribadi dan profesional mereka dan kebolehan untuk menyatakan dan merenungkan isu dan cabaran mengajar dengan menggunakan kaedah didik hibur yang berasaskan nyanyian dalam pengajaran matematik di sekolah rendah. Peserta-peserta kajian ini terdiri daripada empat orang guru perempuan dan tiga orang guru lelaki. Keseluruhannya, para peserta melaporkan purata selama 5 hingga 30 tahun pengalaman mengajar sepenuh masa di sekolah rendah di Malaysia iaitu sekolah, Sekolah Kebangsaan Taman Sri Rampai, Sekolah Kebangsaan Klias Kecil Beaufort Sabah, Sekolah Kebangsaan Methodist Perak dan Sekolah Kebangsaan Seri Setia, Johor. Kesemua peserta yang ditemu bual adalah rakyat Malaysia.

Manakala, terdapat 10 orang murid, lima lelaki dan lima perempuan telah dipilih untuk ditemubual. Kesemua murid bersekolah disekolah Kebangsaan Taman Sri Rampai dan melaporkan purata hampir tiga tahun belajar menggunakan kaedah didik hibur nyanyian untuk mata pelajaran matematik. Setiap peserta ditemu bual melalui kaedah semi struktur yang terdiri daripada sepuluh soalan mengikut tema (Analisis tematik) dan dianalisis menggunakan kaedah Analisis tafsiran fenomenologi. Tempoh setiap temu bual adalah di

antara 30 hingga 45 minit untuk setiap seorang dan kajian ini dijalankan sepanjang tempoh tiga bulan iaitu dari bulan Januari sehingga bulan Mac.

3.3 Sampel Kajian

Seramai tujuh orang guru dari Sekolah Kebangsaan Taman Sri Rampai, Sekolah Kebangsaan Klias Kecil Beaufort Sabah, Sekolah Kebangsaan Methodist Perak dan Sekolah Kebangsaan Seri Setia, Johor yang terlibat dalam kajian ini.

30 orang pelajar dari Sekolah Kebangsaan Taman Sri Rampai terlibat dalam kaedah pemerhatian dan juga 10 orang pelajar dipilih untuk menyertai sesi temubual.

3.4 Kaedah Pengumpulan Data

3.4.1 Kaedah Pemerhatian

Untuk teknik pemerhatian, terdapat dua kaedah pemerhatian iaitu pemerhatian secara terus (*Direct observation*) dan Pemerhatian melalui penglibatan (*Participant-observation*) (Lincoln & Guba, 1985). Kedua-dua teknik pemerhatian akan digunakan untuk penyelidikan ini. Teknik pemerhatian secara terus ini termasuklah seperti mengira jumlah pelajar di sebuah dalam kelas. Teknik ini biasanya tidak melibatkan komunikasi dengan manusia (Lincoln & Guba, 1985). Untuk kajian ini, pemerhatian secara terus dan pemerhatian melalui penglibatan dijalankan dalam sebuah bilik darjah dengan memerhati seramai 30 pelajar, melihat kepada reaksi dan penglibatan mereka di dalam kelas semasa sesi pembelajaran didik hibur dalam nyanyian. Kaedah ini adalah untuk menjawab persoalan kajian yang kedua:

Sejauh manakah penglibatan murid terhadap mata pelajaran matematik dengan menggunakan pendekatan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian?

Proses pemerhatian ini dijalankan berpandukan pelan pembelajaran (Rujuk Appendix D) yang disediakan oleh guru berpandukan topik topik mata pelajaran matematik yang tertentu.

Senarai Semak yang digunakan untuk kaedah pemerhatian:

(i) Jangka masa pemerhatian: Menggunakan dua kaedah pemerhatian, iaitu pemerhatian secara terus dan pemerhatian melalui penglibatan yang mengambil masa selama satu jam, 1 sesi untuk mata pelajaran matematik.

(ii) Jenis data yang hendak dikutip: untuk melihat reaksi dan penglibatan murid sepanjang kaedah didik hibur nyanyian di jalankan. Membahagikan kaedah pemerhatian kepada tiga segmen iaitu *Exposition* (Pengenalan), *Complication* (Pertengahan) dan *Resolution* (Penyelesaian).

(iii) Alat yang sesuai untuk mengutip data tersebut: menggunakan video camera untuk merakam fenomena pembelajaran di dalam kelas.

(iv) Di mana kajian tersebut hendak dijalankan: Sekolah Kebangsaan Taman Sri Rampai.

(V) Strategi pengutipan data yang sesuai digunakan: Menggunakan dua kaedah pemerhatian, iaitu pemerhatian secara terus dan pemerhatian melalui penglibatan.

(vi) Bagaimana data disusun, dianalisis dan ditafsirkan: Data disusun mengikut kronologi masa dan dibahagikan kepada tiga segmen iaitu *Exposition* (Pengenalan), *Complication* (Pertengahan) dan *Resolution* (Penyelesaian). Data dianalisis menggunakan 2 kaedah pemerhatian iaitu pemerhatian secara terus dan pemerhatian melalui penglibatan. Hasil

perbincangan bersama guru. Kaedah pemerhatian secara terus akan dianalisis semasa 2 segmen terawal *Exposition* (Pengenalan) dan *Complication* (Pertengahan) di mana penyelidik akan memerhati sejauh manakah penglibatan murid-murid melibatkan diri di dalam kelas sepanjang sesi didik-hibur-nyanyian dijalankan di dalam kelas. Untuk segmen *Resolution* (Penyelesaian) pemerhatian melalui penglibatan dijalankan untuk penyelidik menganalisis dan memerhati hasil daripada pengajaran didik-hibur tersebut. Quiz terbuka telah dijalankan bagi mengukur penglibatan murid di sepanjang sesi pengajaran dalam kelas.

3.4.2 Temu Bual

Kaedah kualitatif iaitu temu bual semi struktur digunakan di dalam kajian ini. Temubual semi struktur ialah kaedah pengumpulan data untuk mengumpul maklumat daripada informan yang mempunyai pengalaman, persepsi dan kepercayaan peribadi tentang sesebuah topik (Lincoln & Guba, 1985). Soalan-soalan temu bual ini telah disahkan oleh pakar-pakar dalam pendidikan dan juga guru yang aktif menggunakan kaedah didik-hibur di sekolah (Soalan temu bual dilampirkan di Appendix A). Temubual mendalam ialah temu muka berulang antara pengkaji dan subjek pengkajian, dalam rangka memahami pandangan subjek pengkajian mengenai hidupnya, pengalamannya, ataupun situasi sosial sebagaimana diungkapkan dalam bahasanya sendiri (Taylor dan Bogdan, 1984). Temubual dijalankan bersama guru dan murid. Temubual itu dirakamkan dan ditranskripsikan. Temubual berdasarkan tema dan tajuk kajian pendekatan didik-hibur secara general dalam pengajaran dan pembelajaran subjek matematik. Temu bual dijalankan untuk menjawab persoalan kajian yang pertama dan ketiga iaitu:

1) Sejauh manakah keberkesanan penggunaan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian boleh meningkatkan prestasi dan motivasi dalam pembelajaran mata pelajaran matematik dalam kalangan murid?

3) Apakah isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru dengan penggunaan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian dalam pengajaran mata pelajaran Matematik?

Soalan temu bual berpandukan dua tema seperti yang berikut

Tema-tema kajian adalah seperti berikut:

1. Tema Pertama: Keberkesanan penggunaan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian untuk meningkatkan motivasi dalam pembelajaran mata pelajaran matematik.
2. Tema Kedua: Isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru dengan penggunaan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian dalam pengajaran mata pelajaran Matematik.

Soalan soalan temu bual terdapat di Appendix D untuk guru dan murid.

Kajian ini melibatkan tujuh belas (17) pembekal maklumat yang telah ditemubual yang membekalkan data untuk kajian ini. Seramai tujuh (7) orang guru matematik dan sepuluh (10) orang anak murid yang menjadi sampel kajian di sebuah kelas akan ditemu bual untuk soal selidik yang akan menjawab kepada tema tema kajian.

7 Guru Matematik

1. Cikgu Nazmi: Sekolah Kebangsaan Taman Sri Rampai (Guru A)
2. Cikgu Zaiton: Sekolah Kebangsaan Methodist Perak (Guru B)

3. Cikgu Intan: Sekolah Kebangsaan Taman Sri Rampai (Guru C)
4. Cikgu Sarinah: Sekolah Kebangsaan Klias Kecil Beaufort Sabah (Guru D)
5. Cikgu Afina: Sekolah Kebangsaan Klias Kecil Beaufort Sabah (Guru E)
6. Cikgu Faizul: Sekolah Kebangsaan Taman Sri Rampai (Guru F)
7. Cikgu Ahsahri: Sekolah Kebangsaan Sri Setia (Guru G)

10 orang murid

10 orang murid yang ditemu bual bersekolah di Sekolah Kebangsaan Taman Seri Rampai.

1. Normarsha Amani
2. Qiesya Faqihah
3. Nur Afiqah
4. Ayu Balqis
5. Kasih Nur Danisya
6. Danish
7. Muhammad Asyraf
8. Adam Shauqi
9. Adiratiu
10. Naqib Zhafran

3.4.3 Analisis Dokumen

Analisis dokumen ini telah dibuat sejak di pra-lapangan kajian, dengan mendapatkan dapatan awal daripada data utama yang berbentuk Pelan pengajaran Didik hibur berasaskan nyanyian matematik daripada Cikgu Nazmi dan juga penulisan thesis formula KASDIM daripada penulis sendiri iaitu Cikgu Ahsahri Kasdi. Kesemua dokumen terdapat di Appendix G.

Sumber data sekunder juga memainkan peranan yang penting seperti buku buku, artikel journal, akhbar, termasuk sumber dari internet yang berbentuk dokumen-dokumen yang terdapat di bab 2 literasi kajian.

3.5 Instrumentasi Kajian

Instrumentasi kajian ini adalah dengan menggunakan:

1. Komputer Riba
2. Alat perakam Audio
3. Video Rekorder
5. Senarai pemerhatian
6. Senarai soalan temu bual

3.6 Prosedur Analisa Data

Hasil jawapan temu bual daripada guru-guru dan murid-murid menggunakan kaedah kualitatif dianalisis menggunakan pendekatan fenomenologi. Ia bertujuan mendapatkan maklumbalas dan penjelasan serta memahami sesuatu fenomena. Pendekatan ini juga mampu memberikan penerangan, pentafsiran dan menyediakan kefahaman yang luas tentang sesuatu fenomena selain memperkenalkan bentuk tema dan kategori, serta mampu menyediakan keterangan yang terperinci tentang perkara yang dikaji (Meriam, 1998).

Teknik pengumpulan data yang digunakan di dalam kajian ini ialah temubual bersemuka dengan menggunakan soalan terbuka. Dalam kajian ini, temubual bersemuka secara kumpulan fokus yang melibatkan 10 murid dari Sekolah Kebangsaan Taman Sri Rampai dan juga 7 orang guru matematik mewakili sekolah di seluruh Malaysia.

Soalan soalan temu bual direka berdasarkan tema dengan menggunakan Analisis Tematik. Menurut pandangan Boyatzis (2006) analisis tematik adalah kaedah untuk mengidentifikasi, menganalisis dan melaporkan tema-tema yang terdapat dalam suatu fenomena. Dua tema yang terdapat di dalam kajian ini adalah:

Tema Pertama: Keberkesanan penggunaan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian untuk meningkatkan motivasi dalam pembelajaran mata pelajaran matematik.

Tema Kedua: Isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru dengan penggunaan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian dalam pengajaran mata pelajaran Matematik.

Analisis tematik juga dikenali sebagai *Interpretative Phenomenological Analysis* (IPA) atau Analisis tafsiran fenomenologi (IPA) adalah idiografi dalam meneliti pengalaman terperinci setiap tema (Smith, Flowers & Larkin, 2009).

Sokongan rakaman audio telah direkodkan bagi mendapatkan hasil temu bual yang lengkap dan sempurna. Menurut Jamshed (2014), dengan membolehkan data temuduga dirakam, secara keseluruhannya akan mendapat hasil temu bual yang tepat. Untuk kajian ini, semua data audio yang direkodkan telah mendapat persetujuan daripada pihak peserta. Semua hasil temua bual ditranskripikan menjadi data dan dianalisiskan untuk menghasilkan jawapan kepada dua tema yang penting di dalam kajian ini iaitu mengenai keberkesanan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian untuk mata pelajaran matematik terhadap motivasi belajar pelajar.

3.7 Rumusan

Metodologi kajian merupakan satu kaedah yang penting dalam memastikan sesuatu penyelidikan dapat berjalan dengan lancar dan dihasilkan dengan lebih teratur dan sistematik. Secara amnya, metologi penyelidikan adalah suatu perancangan penyelidikan yang dilakukan dari peringkat awal sehinggalah ke peringkat akhir penyelidikan di dalam proses menjawab persoalan dan ketidakpastian yang diutarakan. Pendekatan metodologi yang dipilih bergantung kepada bidang dan pengkhususan penyelidikan. Bagi penyelidikan ini, penyelidikan kualitatif telah digunakan dalam usaha mengumpul data dan analisis di mana kaedah pemerhatian, temubual serta analisis dokumen dijalankan

BAB 4 HASIL KAJIAN

Data telah dianalisis dan dilaporkan mengikut tema berikut:

4.1 Tema Pertama: Keberkesanan penggunaan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian untuk meningkatkan motivasi pembelajaran mata pelajaran matematik (Guru)

No.	Guru/Peserta	Kod: Keberkesanan	Kod: Motivasi	Huraian/Contoh
1.	Guru A	<p>“Pada mulanya murid tidak akan faham, tetapi dengan menghafal lagu formula matematik, mereka akan dapat memahami isi lagu.”</p> <p>“Sangat membantu dalam penghafalan (Memori).”</p> <p>“Peningkatan prestasi murid amat jelas dari tahun demi tahun setiap murid.”</p>	<p>“Reaksi yang sangat positif berbanding mengajar menggunakan tanpa nyanyian, murid kurang berminat.”</p> <p>“Boleh nampak apabila saya ajar menggunakan muzik ianya boleh meningkatkan semangat.”</p> <p>“Pada awalnya murid akan berasa malu tetapi lama kelamaan mereka akan terbiasa atas dorongan rakan sekelas.”</p>	<p>“Lebih fokus untuk menarik minat murid untuk mendalami matematik terlebih dahulu, sebab bagi saya Tarik minat budak tu yang penting untuk <i>into</i> dengan mata pelajaran. Sebagai contoh kalau kita mengajar, kalau tak minat tiada guna.”</p> <p>“Didik hibur nyanyian ini berkesan untuk membantu memori dia dalam mengingati formula matematik.”</p>

2.	Guru B	<p>“Lagu lagu yang diperkenalkan haruslah lagu yang diketahui oleh murid. Dengan ini, murid lebih senang untuk menghafal, dengan menghafal mereka akan mendalami maksud intipati seni kata lagu, dan boleh dibawa ke sesi pembelajaran yang seterusnya.”</p> <p>“Untuk melihat kepada prestasi seseorang murid tahun 1, 2 dan 3, hanyalah berdasarkan pemerhatian. Kaedah ini sesuai untuk menilai dan melihat keberkesanan murid untuk memahami sesuatu topik.”</p> <p>“Kaedah didik hibur ini boleh membantu prestasi murid untuk keperingkat yang seterusnya ke tahun 4 5 dan 6.”</p>	<p>“Murid memang lebih suka, contoh kalau hari ni kita kata nak nyanyi, murid lebih seronok dan menunjukkan minat untuk belajar.”</p> <p>“Murid sangat bermotivasi apabila lagu/muzik diperdengarkan.”</p>	<p>“Didik hibur ini merupakan kelainan daripada biasa. Kaedah bukan hanya fokus kepada <i>chalk and talk</i> sahaja. Jadi, apabila kita menggunakan didik hibur, objektif pastilah tercapai.”</p>
3.	Guru C	<p>“Prestasi yang meningkat dengan menggunakan kaedah didik hibur. Kerana didik hibur ini dekat kepada jiwa pelajar iaitu belajar sambil berhibur.”</p>	<p>“Perbezaan yang ketara sebelum dan selepas didik hibur diperkenalkan, murid menjadikan mata pelajaran matematik sebagai kegemaran dan sentiasa bersemangat untuk belajar dan menjawab quiz/latih tubi di dalam kelas.”</p>	<p>“Tidak perlu untuk tunggu sebulan, kalau diajar minggu lepas, minggu depan dia akan lupa. Kebanyakan murid memang akan jadi sebegitu, murid murid suka menggunakan perhatian jadi kami haruslah mencari kaedah untuk murid murid senang ingat.”</p>

4.	Guru D	“Penggunaan didik hibur salah satu cara yang mudah untuk murid menghafal.”	“Penglibatan yang menyeluruh dari semua pelajar di dalam kelas.”	
5.	Guru E	“Sesetengah murid akan lebih mudah hilang fokus sekiranya menggunakan didik hibur kerana ianya akan fokus pada hiburan semata mata.”	“Didik Hibur kurang memberi motivasi yang menyeluruh.”	“Implementasi untuk didik hibur mungkin bukan sekarang tetapi 10 tahun akan datang.”
6.	Guru F	“Sebahagian daripada murid tidak mengambil ilmu matematik secara menyeluruh apabila menggunakan didik hibur. Mereka akan menjadikan didik hibur itu sebagai hiburan semata mata kerana belum menguasai perkaitan lagu dan ilmu matematik.”	“Didik hibur dalam nyanyian sangat memotivasikan pelajar untuk belajar.” “Murid memang sukakan lagu dan aktif di dalam kelas.”	
7.	Guru G	“Prestasi yang meningkat untuk peperiksaan UPSR setelah menggunakan kaedah didik hibur berbanding hanya menggunakan kaedah <i>chalk and talk</i> .”	“Oleh sebab murid murid sukakan karaoke, dari situ saya mendapat ilham untuk meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar matematik sambil bernyanyi. Hasilnya, murid amat bersemangat dan menjadikan mata pelajaran matematik ini sebagai satu subjek kegemaran.”	

Jadual 1.1

Jadual 1.1 merupakan hasil daripada temu bual untuk tema yang pertama iaitu keberkesanan penggunaan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian untuk meningkatkan motivasi pembelajaran mata pelajaran matematik. Menemubual seramai tujuh orang guru matematik yang terdiri daripada empat buah sekolah di Malaysia. Tema pertama terbahagi kepada dua kod iaitu Keberkesanan dan Motivasi. Kod tema keberkesanan melihat kepada kata kunci prestasi pelajar manakala kod tema motivasi melihat kepada penglibatan pelajar. Terdapat dua kod yang penting di dalam satu tema. Rasional pembahagian kod ini ialah kod yang pertama adalah untuk mengukur dan mengenal pasti keberkesanan didik hibur dengan melihat prestasi pelajar di dalam kelas. Kod yang kedua iaitu motivasi digunakan untuk melihat penglibatan murid, kerana ianya dapat diukur melalui penglibatan sepenuhnya ataupun kurang melibatkan diri.

Pada umumnya, guru-guru yang ditemubual menyatakan keberkesanan didik hibur berasaskan nyanyian dengan melihat kepada prestasi pelajar yang meningkat selepas menggunakan didik hibur nyanyian.

“Pada mulanya murid kurang faham, dengan adanya teknik menghafal lagu-lagu matematik, mereka akan dapat memahami konsep matematik.” (Guru A)

“Tidak perlu untuk tunggu sebulan, kalau diajar minggu lepas, minggu depan murid akan lupa. Kebanyakan murid memang jadi sebegini. Bagi saya, murid suka diberi perhatian jadi kami haruslah mencari kaedah untuk murid-murid senang untuk ingat.” (Guru C)

“Menggunakan didik hibur amat mudah membantu murid untuk mudah ingat.” (Guru D)

Guru A, C dan D melaporkan perbezaan yang amat ketara dari segi mengingati apa yang dipelajari tanpa penggunaan kaedah didik hibur, murid mudah lupa. Didik hibur

berasaskan nyanyian ini berkesan untuk membantu memori mereka dalam mengingat sesuatu mata pelajaran. Kaedah didik hibur berasaskan nyanyian ini amatlah membantu dalam proses memori pelajar. Jika tidak menggunakan kaedah didik hibur, murid khususnya murid tahap satu mudah lupa, dengan adanya lagu formula matematik ianya sangat membantu. kaedah Pedagogi dalam Pendidikan (PdP) menggunakan kaedah didik hibur ini boleh dipilih dimana mana peringkat. Peringkat awal, peringkat pertengahan, peringkat penyampaian isi kandungan ataupun peringkat penutup untuk setiap PdP.

“Kaedah didik hibur ini boleh membantu prestasi murid untuk keperingkat yang seterusnya ke tahun 4, 5 dan 6.” (Guru B)

Guru B bersetuju bahawa dengan adanya didik hibur ini boleh membantu prestasi murid keperingkat yang seterusnya. Guru B juga mencadangkan agar lagu lagu yang diperkenalkan haruslah lagu yang diketahui oleh murid. Hal ini, membantu untuk murid menghafal dan menarik perhatian murid untuk fokus belajar. Apabila mereka menghafal, murid akan lebih mudah untuk memahami isi pembelajaran tersebut. Menurut Guru A, murid di sekolah beliau akan memilih lagu lagu yang mereka sedia tahu atau lagu lagu yang popular untuk sesi pembelajaran. (lampiran Skor lagu kaedah Pedagogi dalam Pendidikan (PdP) Guru A terdapat di Appendix E). Hasil daripada pembelajaran sangat mencapai objektif pembelajaran. Hasil kajian Jakubowski (2013) menunjukkan bahawa lagu-lagu yang sentiasa bemain di minda mempunyai melodi lagu yang mudah dan berulang ulang seperti lagu lagu popular atau lagu kumpulan kanak kanak sebagai contoh lagu *twinkle twinkle little star* dimana melodi atau alunan lagu tersebut digunakan untuk lagu ABC yang kita hafal sehingga sekarang. Cadangan menggunakan lagu yang mudah dan berulang-ulang haruslah diambil kira untuk kesesuaian nyanyian dalam didik hibur.

“Prestasi pelajaran dalam mata pelajaran matematik meningkat dengan menggunakan kaedah didik hibur disebabkan didik hibur ini dekat kepada jiwa pelajar iaitu belajar sambil berhibur.” (Guru C)

Guru C menerangkan berhibur itu dekat pada jiwa murid. Dzanic dan Pejic (2016) menerangkan, muzik dan nyanyian adalah bahagian penting dalam perkembangan dan pembelajaran. Murid murid suka menyanyi dan guru secara semulajadi menggunakan lagu untuk mengajar mereka konsep dan menggunakan cara yang menyeronokkan.

“Prestasi yang meningkat terbukti dengan keputusan UPSR setelah menggunakan kaedah didik hibur berbanding hanya menggunakan kaedah tradisional iaitu *chalk and talk*.” (Guru G)

Guru G berpendapat bahawa menggunakan kaedah didik hibur menghasilkan keberkesanan selain hanya menggunakan kaedah *chalk and talk*. Guru B yang telah berkhidmat selama 30 tahun dalam mengajar mata pelajaran matematik mentafsirkan bahawa, pengajaran yang hanya berfokuskan kaedah *chalk and talk* adalah kurang berkesan. Disokong oleh Mazuki Mohd Yasim (2011) menyuarakan bahawa kaedah pengajaran tradisional iaitu ‘*chalk and talk*’ kaedah yang lama dan ketinggalan zaman dan kurang memberikan kesan yang efektif kepada sistem pembelajaran pada zaman sekarang. Apabila pengajaran yang disokong menggunakan didik hibur khususnya nyanyian, amatlah berkesan untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran.

Didik hibur ini merupakan kelainan daripada biasa. Kaedah yang bukannya fokus kepada *chalk and talk* sahaja iaitu menulis dan bercakap. Jadi, apabila kita menggunakan didik hibur, objektif pastilah tercapai. (Guru B)

Untuk memberi kesan yang efektif, gabungan antara kedua-dua itu perlu, kaedah tradisional chalk and talk dan juga penggunaan kaedah didik hibur. Kebanyakan peserta melaporkan bahawa, gabungan antara kedua-duanya memberi kesan yang positif, proses pembelajaran membantu memori murid untuk belajar dan meresap ke dalam jiwa murid untuk menghayati fakta dan formula.

Keberkesanan kaedah didik hibur ini diukur dengan melihat prestasi murid. Untuk murid-murid tahap pertama, murid-murid tahun satu, dua dan tiga, tiada peperiksaan dijalankan seperti sebelum ini. Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik (2019) mengumumkan peperiksaan bagi murid tahap satu yang melibatkan murid tahun satu, dua dan tiga akan dimansuhkan, bermula pada tahun 2019. Ini bermakna, murid-murid tahap satu tidak akan menduduki peperiksaan dan hanya akan dinilai berdasarkan empat komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). (Maszlee Malik, 2019).

Namun begitu terdapat segelintir daripada guru mendapati keberkesanan kaedah ini kurang memberangsangkan. Segelintir daripada guru menyatakan kesan yang sebaliknya menggunakan kaedah didik hibur untuk mata pelajaran matematik.

“Sesetengah murid akan lebih mudah hilang fokus sekiranya menggunakan didik hibur kerana ianya akan fokus pada hiburan semata-mata.” (Guru E)

“Sebahagian daripada murid tidak mengambil ilmu matematik secara menyeluruh apabila menggunakan didik hibur. Mereka akan menjadikan didik hibur itu sebagai hiburan semata-mata kerana belum menguasai perkaitan lagu dan ilmu matematik.” (Guru F)

Sememangnya penggunaan kaedah didik hibur membantu meningkatkan prestasi bagi sesetengah murid tetapi bukan untuk segelintir murid-murid yang lain yang hanya mengambil

didik hiburan tersebut hanyalah sebagai hiburan semata mata dan tidak mengambil ilmu yang terdapat di dalam nyanyian tersebut.

Menurut Guru A, dari segi penglibatan dan reaksi murid terhadap didik hiburan, pada awalnya masih ada yang malu, tetapi sangatlah menggalakkan. Dari segi pemahaman untuk murid memahami konsep matematik dalam nyanyian, ada sebahagian daripada pelajar belum menguasai dan memahami sesebuah lagu tersebut, tetapi lama kelamaan murid murid akan dapat mengaplikasikan lagu lagu tersebut dalam latihan dan peperiksaan mata pelajaran matematik.

Untuk Sub Tema Motivasi yang merujuk kepada jadual 1.1, yang melihat kepada reaksi dan penglibatan pelajar, kesemua guru melaporkan murid murid sangat bermotivasi dan mendapat penglibatan yang menyeluruh dengan menggunakan kaedah didik hiburan nyanyian. Bimbingan yang efektif menghasilkan murid yang cemerlang. Para guru melaporkan murid murid menjadikan mata pelajaran matematik sebagai sebuah subjek kegemaran. Hal ini kerana guru menggunakan pendekatan yang berbeza daripada mata pelajaran yang lain yang tidak menggunakan didik hiburan. Disebut oleh Wan Hamid, Wan Zuraida, Yahaya dan Azizi (2002) pencapaian dan minat dalam akademik amat berkait rapat dengan gaya pembelajaran pelajar. Guru guru yang kreatif mampu menghasilkan gaya pembelajaran yang menghasilkan murid-murid yang cemerlang.

4.2 Tema Pertama: Keberkesanan penggunaan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian untuk meningkatkan motivasi pembelajaran mata pelajaran matematik. (Murid)

No.	Peserta/ Murid	Sub Tema: Keberkesanan	Sub Tema: Motivasi	Huraian/Contoh
1.	Murid A	<p>“Saya selalu mendapat grad A untuk mata pelajaran Matematik.”</p> <p>“Saya belajar Matematik sambil bernyanyi sejak tahun pertama di sekolah.”</p>	<p>“Saya memang sukakan mata pelajaran matematik sebelum cikgu Nazmi mengajar.”</p> <p>Motivasi Instrinsik</p>	<p>“Apabila Cikgu Nazmi mengajar saya semakin suka matematik.”</p>
2.	Murid B	<p>“Saya merasakan saya kurang pandai dalam mata pelajaran matematik, tetapi saya tetap sukakan matematik.”</p>	<p>“Saya suka matematik sebab belajar matematik sambil menyanyi.”</p> <p>Motivasi Ekstrinsik</p>	<p>“Saya hanya akan suka matematik apabila cikgu Nazmi yang mengajar sebab ada nyanyian.”</p>
3.	Murid C	<p>“Saya selalu dapat B untuk Matematik.”</p>	<p>“Saya bersemangat belajar matematik sebab ada nyanyian.”</p> <p>Motivasi Ekstrinsik</p>	
4.	Murid D	<p>“Saya selalu mendapat grad A untuk mata pelajaran Matematik.”</p> <p>“Saya menghafal sifir dengan nyanyian.”</p>	<p>“Saya memang sukakan matematik dan semakin bersemangat apabila Cikgu Nazmi Ajar.”</p> <p>Motivasi Instrinsik</p>	<p>“Saya suka cikgu Nazmi kerana cikgu Nazmi seorang guru yang kelakar.”</p>
5.	Murid E	<p>“Saya kurang pandai dalam matematik.”</p>	<p>“Saya berasa seronok apabila belajar matematik dengan menyanyi.”</p> <p>Motivasi Ekstrinsik</p>	
6.	Murid F	<p>“Saya menggunakan lagu lagu untuk menjawab dalam kuiz dan latihan.”</p>	<p>“Saya memang sukakan matematik dan semakin seronok belajar apabila</p>	

			menggunakan lagu lagu.” Motivasi Instrinsik	
7.	Murid G	“Tanpa nyanyian saya juga boleh pandai matematik.”	“Saya memang seorang yang sukakan mata pelajaran matematik.” Motivasi Instrinsik	
8.	Murid H	“Saya seorang yang sangat suka mengira. Setiap latihan pengiraan saya akan dapat markah yang tertinggi.”	“Saya bersemangat untuk belajar matematik apabila cikgu mengajar lagu lagu yang baru.” Motivasi Ekstrinsik	
9.	Murid I	“Saya merasakan belajar matematik sambil menyanyi amat senang.”	“Hanya bersemangat apabila kaedah nyanyian digunakan.” Motivasi Ekstrinsik	“Menggunakan lagu lagu membuatkan saya senang mengira.”
10.	Murid J	“Tanpa nyanyian saya akan lupa ilmu ilmu matematik yang diajar.” “Matematik menjadi subjek kesukaan saya apabila guru mengajar menggunakan nyanyian untuk menghafal formula.”	“Saya suka menggunakan didik hibur nyanyian. Tetapi kadang kadang berasa malas untuk membuat pergerakan dan berasa pening.” Motivasi Ekstrinsik	

Jadual 1.2

Jadual 1.2 menunjukkan hasil dapatan daripada temubual bersama murid murid Tahun Tiga di Sekolah Kebangsaan Taman Sri Rampai yang telah belajar mata pelajaran matematik menggunakan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian sejak dari tahun satu persekolahan. Secara keseluruhannya sepuluh peserta (murid) melaporkan keberkesanan penggunaan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian amatlah memberi impak yang besar untuk sesi pembelajaran dan prestasi murid murid sepanjang mempelajari mata pelajaran matematik.

Dari segi motivasi belajar, didapati terdapat enam orang murid mempunyai motivasi Ekstrinsik. Ini menunjukkan murid-murid hanya bermotivasi sekiranya guru mengajar mata pelajaran matematik dengan menggunakan didik hibur nyanyian. Kenyataan ini disokong oleh guru matematik yang mengajar mereka selama hampir tiga tahun.

“Hasil daripada pemerhatian, keenam - enam pelajar ini melibatkan diri sepenuhnya setiap kali guru mengajar matematik menggunakan kaedah didik hibur dan murid akan memberi cadangan untuk menyanyi didik hibur sekiranya mereka kurang faham tentang apa yang dipelajari.” (Cikgu Nazmi)

Menurut Mohd. Sharani Ahmad dan Zainal Madon (2003), motivasi ekstrinsik juga bermakna sokongan untuk memotivasikan seseorang. Ini bermakna, sokongan menggunakan didik hibur berasaskan nyanyian untuk sesi belajar di dalam kelas boleh membantu meningkatkan dan menjadi sebuah sokongan untuk meningkatkan motivasi belajar. Justeru, Didik hibur berasaskan nyanyian merupakan sebuah “sokongan” untuk motivasi ektrinsik dan juga sokongan untuk memotivasikan murid untuk belajar mata pelajaran matematik.

Kajian ini menunjukkan seramai tiga murid mempunyai motivasi intrinsik. Murid murid ini tergolong di kalangan murid yang meletakkan mata pelajaran matematik sebagai subjek kegemaran. Minat dan kesungguhan dalam pembelajaran matematik hadir dengan semulajadi. Dipersetujui oleh Nordin Mamat (2001) dalam penyelidikannya menyatakan motivasi intrinsik umumnya ditingkatkan oleh minat peribadi dalam pembelajaran dan membantu pelajar meletakkan matlamat pembelajaran pada diri mereka. Hal ini, dengan adanya motivasi intrinsik ditambah lagi dengan penggunaan didik hibur, murid murid tersebut lebih bersemangat untuk belajar dan mendapat keputusan yang cemerlang.

Guru yang telah melahirkan motivasi untuk setiap murid tersebut telah membuahkan hasil pengalaman yang bermakna bagi setiap murid. Menurut Ismail Afferro & Mohd Zahar Kusnun (2016) kesan motivasi belajar tersebut merupakan pengalaman bermakna yang akan menjadikan murid tersebut meminati sesuatu mata pelajaran khasnya matematik.

4.3 Tema Kedua: Isu dan cabaran dalam menggunakan kaedah Didik Hibur berasaskan Nyanyian untuk mata pelajaran matematik (Guru).

No.	Peserta/Guru	Isu & Cabaran	Huraian/Contoh
1	Guru A	<p>“Kelemahan untuk menghubungkan apa yang dia ingat (Lagu) dengan apa yang perlu dia buat (Latihan).”</p> <p>“Ada yang suka muzik (Nyanyian) sahaja dan tidak pentingkan tentang mata pelajaran matematik.”</p>	<p>“Contohnya dalam lagu dengan bimbingan dia faham tetapi isu dia adalah bila dia perlu buat latihan sendiri dia tidak boleh menjawab soalan soalan dengan baik.”</p> <p>“Cikgu berharap suatu hari nanti murid boleh kaitkan kepentingan ilmu matematik dalam lagu tersebut.”</p>
2	Guru B	<p>“Untuk penggunaan didik hibur nyanyian lebih sesuai diadakan di bilik muzik atau bilik yang tertutup.”</p> <p>“Sesetengah Ibu bapa yang bertanggapan negatif bahawa guru hanya mengajar menyanyi sahaja.”</p>	<p>“Bila bilik muzik yang tertutup, ia mewujudkan persekitaran yang lebih focus dan lebih sesuai untuk sesi pengajaran dan pembelajaran”</p> <p>“Para guru harus bersedia menghadapi ibu bapa yang bersikap sedemikian. Sekiranya berpeluang untuk berjumpa dengan waris murid, terangkan yang didik hibur ni ialah cara untuk menarik minat pelajar.”</p>
3	Guru C	<p>“Murid murid mahukan nyanyian untuk setiap topik/bab.”</p>	<p>“Masa yang guru ada amat terhad untuk menyediakan lagu lagu untuk setiap bab. Guru hanya menyediakan lagu untuk bab bab yang penting dan perlu sahaja.”</p>

4	Guru D	“Untuk sekolah diluar bandar capaian internet yang lambat dan tiada bekalan tenaga elektrik agak sukar untuk mendapatkan bahan bahan didik hibur yg terdapat dlm aplikasi <i>YouTube</i> .”	“Perlukan kepakaran dalam mengaplikasikan didik hibur supaya kesemua kaedah didik hibur nyanyian itu selaras dengan sekolah bandar dan luar bandar.”
5	Guru E	“Guru perlu kreatif untuk mencipta lagu lagu supaya tidak membosankan dan boleh menarik minat pelajar.”	“Jurang diantara sekolah bandar dan luar bandar jauh beza. Berikan kesamarataan dari segi fasiliti supaya sekolah luar bandar tidak ketinggalan.”
6	Guru F	“Kehabisan idea dalam mencipta lagu untuk didik hibur mata pelajaran matematik.”	“Perlukan masa yang banyak untuk mencipta kesemua lagu tersebut atas kekangan banyak kelas dan urusan kerja yang lain.”
7	Guru G	“Pada tahun 2013 Isu mata pelajaran Matematik ditukar dan diajar kepada Bahasa Inggeris.”	“Berhenti membuat formula KASDIM apabila isu Matematik ditukar dan diajar kepada Bahasa Inggeris. Kemahiran saya dalam berbahasa Inggeris amatlah lemah membuatkan saya berhenti sampai setakat itu sahaja.”

Jadual 1.3

Jadual 1.3 memaparkan hasil kajian daripada tema kedua kajian. Secara umumnya, para peserta kajian menyedari terdapat beberapa isu dan cabaran penggunaan didik hibur (nyanyian) untuk subjek matematik. Yang pertama, sebahagian daripada minoriti pelajar sukar untuk menghubungkan formula matematik dalam nyanyian dan mengaplikasikan di dalam latihan pembelajaran.

Terdapat sebahagian daripada murid, walaupun mereka sudah menghafal sesebuah lagu, tetapi masih ada kelemahan untuk menghubungkan apa yang lagu di dalam latihan. Sebagai contohnya,

“Dalam lagu dengan bimbingan dia faham tetapi isu dia adalah bila dia perlu buat latihan sendiri dia *lost*. ” (Guru A)

Cabaran bagi semua guru apabila mendapati bahawa sebahagian daripada minoriti murid hanya mengambil lagu formula tersebut hanya sebagai hiburan semata mata, kerana kurang berminat untuk mempelajari mata pelajaran matematik dan hanya cenderung kepada muzik. Apabila matlamat hanya sekadar berhibur, sesetengah pelajar ini sukar untuk membuat latihan, memahami konsep dan yang paling penting akan lupa semua formula tersebut semasa kuiz dan juga latih tubi. Walaubagaimanapun para guru mempercayai, sebahagian daripada sekumpulan murid ini belum menyedari kepentingan ilmu matematik dalam nyanyian. Para guru, berharap para murid boleh mengaplikasikan dan menyedari kepentingan matematik dalam nyanyian ini apabila berada ketahap yang seterusnya.

Menurut Guru B, hal ini kerana, aras pembelajaran dan latar belakang murid murid ini berlainan antara satu sama lain. Murid murid belajar dan menguasai dengan menggunakan otak kiri dan kanan berbeza beza. Menurut Cherry (2019), individu individu jenis yang dominan pada otak kiri bijak dan hebat dalam matematik, sementara individu jenis yang menggunakan otak kanan hebat dalam berkeaktiviti. Murid yang menggunakan otak kiri, lebih kepada menganalisis, pengiraan, matematik. Oleh itu, murid yang menggunakan otak kiri ini yang sentiasa fokus kepada pengiraan dan boleh menguasai matematik dengan baik. Manakala, murid yang menggunakan otak kanan memang sesuai dengan aras pembelajaran menggunakan didik hibur nyanyian, hal ini kerana otak kanan yang menguasai daya kreativiti seperti menyanyi, dan juga unsur unsur yang melibatkan kreativiti.

“Jadi guru haruslah mengenal pasti murid sebelum menggunakan didik hibur. Bukan didik hibur ini tidak berfungsi untuk murid otak kiri, guru haruslah memainkan peranan yang penting untuk mengaktifkan kedua bahagian otak mereka.” (Guru B)

Guru guru lain berpendapat, sekiranya terdapat murid yang melibatkan kedua dua bahagian otak kiri dan kanan untuk sesi pembelajaran, adalah lebih baik dan menjadi seseorang murid itu hebat dalam matematik dan juga berkeaktiviti.

Segelintir guru berpendapat bahawa impak pengajaran pembelajaran untuk menggunakan didik hibur berperingkat salah satu cara untuk mengembangkan otak kiri dan kanan murid. Menggunakan didik hibur diperingkat awal umpamanya guru membawa murid menghayati sesebuah sesi pengajaran dan pembelajaran. Kemudian guru harus menerangkan dan mengembangkan seni kata lagu, bersama nota untuk percambahan minda dan latih tubi. Diperingkat hujung guru digalakkan untuk membuat pemerhatian dan melihat sejauh mana para pelajar memahami konsep matematik tersebut yang disampaikan di dalam bentuk didik hibur. Untuk peringkat penutup, lagu didik hibur boleh dimainkan semula untuk pelajar *recall* senikata dan irama lagu. Peringkat peringkat sebegini akan membantu untuk mengembangkan pembelajaran dan juga otak kiri dan kanan murid dan mudah untuk mencapai objektif pengajaran.

“Tidak semua topik memerlukan lagu, cabaran yang saya lalui apabila murid mahukan nyanyian untuk setiap bab.” (Guru F)

Guru F melaporkan, tidak semua topik matematik memerlukan lagu. Dan ada juga isu kekangan masa yang dihadapi oleh guru apabila juga mengajar mata pelajaran lain disekolah tersebut.

Isu dan cabaran melaksanakan kaedah didik hibur di kawasan sekolah luar bandar. Guru D dan E melaporkan, untuk melaksanakan kaedah ini, haruslah mengambil kira perbezaan antara sekolah bandar dan sekolah luar bandar. Sebagai guru yang mewakili

sekolah luar bandar, capaian internet untuk memperoleh bahan mengajar adalah sangat terhad.

“Terdapat kekurangan dari segi capaian internet yang lambat apatah lagi tiada bekalan tenaga elektrik agak sukar untuk dapatkan bahan bahan didik hiburan yg terdapat dalam aplikasi Youtube dan laman sesawang lain.” (Guru D)

Berlainan pula dengan isu yang dihadapi di sekolah bandar, memerlukan fasiliti yang lengkap untuk melaksanakan kaedah didik hiburan yang berasaskan nyanyian ini.

Penggunaan kaedah didik hiburan nyanyian lebih sesuai diadakan di bilik muzik dimana terdapat radio dan bilik muzik yang tertutup menjadikan murid lebih fokus. Lebih sesuai daripada kelas yang terbuka.” (Guru B)

Kedua dua sekolah di sekolah bandar dan sekolah luar bandar mengalami isu dan cabaran yang berbeza yang perlu dititikberatkan.

Antara cabaran yang lain ialah, segelintir daripada ibu bapa kurang faham pelaksanaan didik hiburan dan bertanggung negatif bahawa guru hanya mengajar menyanyi untuk sesi pembelajaran matematik setiap hari. Terdapat ibu bapa yang bersikap ambil tahu untuk melihat kerja sekolah anak mereka. Apabila melihat anak anak mereka hanya sempat menyalin lagu, para ibu bapa akan mempersoalkan ada guru hanya mengajar nyanyian sahaja. Oleh yang demikian, para guru harus bersiap sedia menghadapi ibu bapa yang bersikap negatif. Sekiranya terdapat peluang dan masa untuk berjumpa dengan waris murid, ia adalah masa yang sesuai untuk menerangkan bahawasanya didik hiburan ini adalah cara untuk menarik minat murid. Para guru boleh menunjukkan rakaman anak didalam kelas sebagai eviden sesi pengajaran dan pembelajaran.

4.4: Teknik Kaedah Pemerhatian

Kaedah ini adalah untuk menjawab persoalan kajian yang kedua:

Apakah reaksi dan penglibatan murid terhadap mata pelajaran matematik dengan menggunakan pendekatan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian?

Kaedah pemerhatian: kaedah pemerhatian secara terus dan Pemerhatian melalui penglibatan.

Kaedah pemerhatian ini terbahagi kepada 3 segmen iaitu *Exposition* (Pengenalan), *Complication* (Pertengahan) dan juga *Resolution* (Penyelesaian).

No	Sesi Pembelajaran	Deskripsi Pemerhatian
1.	Senaman Minda (<i>Brain Gym</i>) Exposition (Pengenalan)	Setiap kali sesi pembelajaran bermula, murid murid di dalam kelas 1 akan memulakan sesi pembelajaran dengan menggunakan Senaman Minda iaitu Brain Gym. Menurut Cikgu Nazmi Yunos, Senaman Minda ini ntuk mengaktifkan kedua dua otak kiri dan kanan murid sebelum memulakan sesi pembelajaran. Pemerhatian (<i>Direct Observation</i>): Murid murid menumpukan perhatian yang

		<p>sepenuhnya untuk sesi Senaman Minda (<i>Brain Gym</i>). Tiada pelajar yang terkecuali untuk melakukan senaman ini hal hal ini kerana lagu, muzik dan pergerakan yang digunakan amat menarik minat murid untuk melakukan aktiviti. Kesemua murid berdiri sambil membuat pergerakan yang ditunjukkan oleh guru matematik Cikgu Nazmi</p>
2.	<p>Nyanyian lagu Matematik</p> <p>“Kombinasi Nombor” (Tambah dan Tolak)</p> <p>Complication (Pertengahan)</p>	<p>Pemerhatian (<i>Direct Observation</i>):</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Murid murid fokus menyanyikan lagu Matematik “Kombinasi Nombor” dengan bersemangat. Kesemua murid memberi reaksi yang sangat positif dan melibatkan diri secara menyeluruh untuk menyanyikan lagu tersebut. 2. Terdapat 2-3 murid membuat pergerakan menunjukkan bilangan nombor jari untuk proses pengiraan semasa menyanyikan lagu tersebut. 3. Segelintir daripada murid murid menulis lirik lagu tersebut di dalam buku latihan menunjukkan rasa minat terhadap lagu dan sesi pembelajaran tersebut.

<p>3.</p>	<p>Quiz Terbuka</p> <p>Resolution (Penyelesaian)</p>	<p>Penyelidik berdiri di hadapan kelas membuat pemerhatian secara penglibatan untuk menguji keberkesanan Nyanyian dengan melakukan Quiz terbuka.</p> <p>Pemerhatian (<i>Participant Observation</i>):</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Murid murid menumpukan perhatian sepenuhnya semasa quiz sedang dijalankan. 2. Penyelidik memberi peluang kepada murid murid untuk memberikan nombor untuk diisi di dalam kota lagu tersebut. <p>Lagu: Pasangkan Saya</p> <p>Saya ada <input checked="" type="radio"/> 9</p> <p><input checked="" type="radio"/> 9 Dua tangan</p> <p>Kiri ada 4</p> <p>Kanan ada <input type="radio"/></p> <ol style="list-style-type: none"> 3. Murid murid diminta untuk memberikan nombor di dalam bulan biru <input type="radio"/> . Penyelidik dapat melihat kesemua murid memberi reaksi yang positif dan penglibatan yang
-----------	---	--

	<p>menyeluruh.</p> <p>4. Pemerhatian keseluruhan menunjukkan murid murid boleh menguasai dan memahami konsep matematik yang diperkenalkan dengan kaedah didik hibur nyanyian.</p> <p>5. Namun terdapat segelintir daripada murid masih belum menguasai sesebuah pembelajaran.</p> <p>6. Sesi pembelajaran seterusnya diteruskan dengan latih tubi individu di dalam buku latihan.</p>
--	---

Jadual 1.4: Pemerhatian (Murid)

Kaedah pemerhatian: kaedah pemerhatian secara terus

Kaedah pemerhatian ini hanya mempunyai 1 segmen iaitu *Complication* (Pertengahan). Hal ini, penyelidik meneliti dan memerhati video yang dihantar oleh guru matematik. Pemerhatian secara terus telah dibuat, pemerhatian dari segi lagu atau nyanyian juga dibincangkan di bab yang terakhir di dalam kajian ini.



Rajah 1: Murid tahun 2 menyanyikan lagu Tambah tolak



Tambah Tolak (Tahun 2)

Score created with the free version of Flat - <https://flat.io>

Nazmi Yunos

Aliah Hisamudin

Melody $\text{♩} = 120$

Tam bah ja ngan - ra gura-gu ma ri ki ta ki ra bi la tam

4
bah bi la ngan pun a kan ja di ba nyak bi la ki ta tam bah ka lau le

7
bih se puluh tam bah sa tu diru mah se belah ah to lak ja ngan

10
ra gura gu ma ri ki ta ki ra bi la to lak bi la ngan pun a kan ja

13
di si kit bi la ki ta to lak ka lau a tas ku rang pin jam sa tu di

16
ru mah sebelah ah

Rajah 2: Lagu tambah tolak yang telah ditranskrikan (Rujuk Appendix E)

Sesi Pembelajaran	Deskripsi Pemerhatian
Nyanyian lagu Matematik (Tambah dan Tolak) Complication (Pertengahan)	Pemerhatian: (Pemerhatian secara terus: <i>Direct Observation</i>): <ol style="list-style-type: none">1. Murid murid fokus menyanyikan lagu Matematik Tambah dan Tolak dengan bersemangat sambil berdiri. Secara keseluruhan murid murid melibatkan diri dan memberi reaksi yang positif.2. Segelintir daripada murid murid menulis lirik lagu tersebut di dalam buku latihan menunjukkan rasa minat terhadap lagu dan sesi pembelajaran tersebut.3. sesetengah daripada murid membuat pergerakan

	sambil menari menunjukkan rasa semangat semasa sesi pembelajaran tersebut.
--	--

Jadual 1.5: Pemerhatian (Murid)

University of Malaya

BAB 5

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Dalam bab ini, penyelidik akan mengemukakan segala perbincangan mengenai dapak yang diperoleh dari proses analisis bab 4. Perbincangan tersebut merangkumi jawapan kepada 3 persoalan kajian iaitu:

1. Sejauh manakah keberkesanan penggunaan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian boleh meningkatkan motivasi dalam pembelajaran mata pelajaran matematik di kalangan murid.

2. Apakah reaksi dan penglibatan murid terhadap mata pelajaran matematik dengan menggunakan pendekatan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian?

3. Apakah isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru dengan penggunaan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian dalam pengajaran mata pelajaran Matematik.

Perbincangan ini akan merangkumi segala topik yang berkaitan keberkesanan didik hibur, reaksi dan penglibatan dan isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru, serta hubungan unsur muzikal di dalam lagu didik hibur nyanyian (persoalan kajian yang kedua). Selain itu, di dalam bab ini juga, penyelidik akan memberikan satu kesimpulan terhadap hasil perbincangan secara menyeluruh dan juga cadangan untuk kajian lanjutan sebagai harapan kepada pembaca serta pengkaji yang akan datang dalam memberikan kesinambungan terhadap topic kajian. Seterusnya kesimpulan dan cadangan kajian dibincangkan dalam bab ini.

5.1 Persoalan kajian pertama

Sejauh manakah keberkesanan penggunaan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian boleh meningkatkan motivasi dalam pembelajaran mata pelajaran matematik di kalangan murid.

Di dalam usaha untuk mendokumentasikan persoalan kajian yang pertama, penyelidik telah menggunakan teknik temubual untuk merangkumkan jawapan untuk persoalan kajian ini. Penyelidik telah mencipta soalan temu bual berdasarkan dua tema seperti yang terdapat di Appendix D (Lihat Lampiran D). Tema yang pertama, telah diekstrak menjadi 2 kod, iaitu keberkesanan dan motivasi.

Jika dilihat dari segi kod keberkesanan, keberkesanan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian amatlah memberansangkan dan mencapai objektif pembelajaran para guru. Antara pernyataan para guru tentang sub tema keberkesanan ialah, penggunaan didik hibur sebagai teknik hafalan, peningkatan prestasi murid sebelum dan selepas didik hibur dan juga pendekatan yang baru selain daripada hanya kaedah tradisional *chalk and talk*.

Penggunaan pendekatan didik hibur sebagai teknik hafalan

Hasil daripada temu bual para peserta (guru), pendekatan didik hibur berasaskan nyanyian berkesan apabila dijadikan sebagai teknik hafalan pelajar. Para guru juga melaporkan bahawa murid kurang menumpukan perhatian apabila formula matematik tidak diajar menggunakan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian ini, terutamanya untuk murid murid tahap satu. Untuk pemilihan dan penciptaan lagu, para guru mencadangkan lagu yang dipilih haruslah bersifat berulang ulang serta melodi yang senang dan mudah untuk dinyanyikan. Lagu-lagu yang sentiasa bermain di minda mempunyai melodi lagu yang mudah dan berulang ulang seperti lagu lagu

populer (Pop) atau lagu kumpulan kanak-kanak sebagai contoh lagu *twinkle twinkle little star* di mana melodi atau alunan lagu tersebut digunakan untuk lagu ABC yang kita hafal sehingga sekarang. Cadangan menggunakan lagu yang mudah dan berulang-ulang haruslah diambil kira untuk kesesuaian nyanyian dalam didik-hibur (Jakubowski, 2013). Lagu-lagu yang mudah dinyanyikan, sifat yang berulang-ulang, tempo yang *catchy*, juga dikenali sebagai *Earworm*. Menurut Senthilingam (2017), dianggarkan bahawa 90% daripada kita mengalami *Earworm* sekurang-kurangnya sekali seminggu, tetapi terdapat sesetengah daripada kita yang mendapat *earworm* lebih kerap daripada yang lain. Hal ini menunjukkan bahawa lagu-lagu yang bersifat *earworm*, yang bermaksud lagu yang boleh melekat di dalam otak berpotensi untuk dijadikan lagu-lagu untuk menghafal formula matematik.

"Terdapat sebab mengapa kita mendapat earworm ini kerana muzik adalah penyesuaian evolusi dan membantu kita untuk mengekalkan maklumat dan emosi dalam medium yang mudah." (Levitin, 2016 muka surat 11).

Sememangnya, penggunaan lagu-lagu yang mudah amat sesuai untuk dijadikan medium hafalan pelajar. Ianya bukan sahaja membangkitkan sesebuah persekitaran yang ceria, malah sekaligus dapat mengekalkan maklumat di dalam lagu-lagu dan dibawa ke memori pelajar.

Peningkatan Prestasi Murid Sebelum Dan Selepas Didik Hibur

Sifat didik hibur berasakan nyanyian yang mengekalkan suasana dan sifat yang positif ini dilaporkan oleh para guru di mana-meningkatkan prestasi murid dalam mata pelajaran matematik. Seorang guru (Cikgu Ahsahri) telah menceritakan, ilham didik hibur berasakan nyanyian apabila beliau mendapati kesemua muridnya suka berkaraoke (menyanyi diiringi dengan lagu), pada mulanya prestasi pelajar dalam mata pelajaran matematik di sekolahnya amat merosot. Walau bagaimanapun, setelah beliau mencipta lagu lagu matematik dan menggunakan lagu tersebut untuk sesi pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas matematik, prestasi pelajar dalam mata pelajaran matematik meningkat dengan ketara.

Guru yang seterusnya melaporkan perihal yang sama tentang prestasi murid sebelum dan selepas didik hibur. Didik hibur berasakan nyanyian diiringi dengan suasana yang positif membolehkan peningkatan prestasi pelajar dalam pembelajaran. Selain itu, idea penerapan pendekatan didik hibur ini dapat membantu untuk mengekalkan gejala ponteng di sekolah. Menurut Abdul Rasid Jamian dan Hasmah Ismail (2013), sesi pembelajaran yang berpotensi untuk menarik minat pelajar seperti didik hibur amat perlu dilaksanakan dengan berkesan di sekolah-sekolah. Langkah ini juga sebagai satu tindakan bagi mengekalkan gejala ponteng sekolah, sikap melawan guru dan meningkatkan minat murid untuk hadir ke sekolah.

Didik hibur sebagai sebuah pendekatan baru.

Daripada hanya mendidik dengan menggunakan kaedah tradisional *chalk and talk* kepada pendekatan didik hibur iaitu sebuah pendekatan yang baru, ia dapat memberi ruang para guru untuk berkreativiti. Seorang guru berpendapat bahawa menggunakan kaedah didik hibur menghasilkan keberkesanan selain hanya menggunakan kaedah *chalk and talk*. Guru B

yang telah berkhidmat selama 30 tahun dalam mengajar mata pelajaran matematik mentafsirkan bahawa, pengajaran yang hanya berfokuskan kaedah *chalk and talk* adalah kurang berkesan. Disokong oleh Mazuki Mohd Yasim (2011) menyuarakan bahawa kaedah pengajaran tradisional iaitu kaedah *chalk and talk* yang dianggap ketinggalan zaman dan kurang memberikan kesan yang efektif kepada sistem pengajaran dan pembelajaran pada zaman sekarang. Apabila pengajaran yang disokong dengan menggunakan didik hiburan khususnya nyanyian, amatlah berkesan untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran.

Untuk kod motivasi, secara keseluruhannya, 10 orang peserta (guru) melaporkan tentang keberkesanan penggunaan kaedah didik hiburan berasaskan nyanyian berkait rapat dengan motivasi murid. Melihat kepada penglibatan dan maklum balas murid kepada guru bahawa murid lebih menyukai dengan menggunakan didik hiburan untuk belajar. Guru melaporkan bahawa penggunaan pendekatan didik hiburan mendapat pernglibatan yang menyeluruh selain hanya menggunakan kaedah tradisional iaitu *chalk and talk*. kod motivasi ini, diperkukuhkan lagi dengan menemubual seramai 10 orang murid yang telah belajar mata pelajaran matematik dengan menggunakan didik hiburan berasaskan nyanyian selama dua tahun di sekolah diajar oleh guru matematik yang sama. Berdasarkan hasil kajian, didapati terdapat enam orang murid dianalisa dengan mempunyai motivasi Ekstrinsik, di mana murid murid hanya akan bermotivasi sekiranya guru mengajar mata pelajaran matematik dengan menggunakan didik hiburan berasaskan nyanyian. Manakala dilaporkan seramai empat orang murid mempunyai motivasi Instrinsik, murid murid ini tergolong dalam kalangan pelajar yang sangat menyukai mata pelajaran matematik dan sangat bermotivasi apabila belajar mata pelajaran tersebut. Hasil kajian ini disokong setelah menemubual guru matematik mereka

yang menyatakan pelajar mereka mempunyai tahap motivasi ekstrinsik dan intrinsik. Motivasi intrinsik dan ekstrinsik bagi individu turut memberi kesan terhadap pembelajaran. Motivasi berkait rapat dengan emosi yang membantu kita memfokus kepada alasan dan logik, perhitungan dan perasaan (Aminah 2005). Emosi dikawal oleh amigdala yang terdapat pada sistem limbik. Pelajar yang bermotivasi tinggi akan lebih mudah untuk belajar dalam keadaan yang tenang supaya sinaps mudah terbentuk. Individu yang bermotivasi tinggi juga dapat menyeimbangkan aktiviti otak kiri dan kanan agar semua jenis kecerdasan dapat disamakan dengan menggunakan keseluruhan fungsi otak.

Chong dan lain lain (2012) menyatakan bahawa, selain pemboleh ubah motivasi pelajar, faktor dalaman seperti sokongan daripada ibu bapa juga penting untuk memastikan kepentingan akademik dalam kalangan pelajar. Ini kerana ibu bapa adalah orang terdekat dalam memastikan emosi dan semangat motivasi anak-anak mereka dan juga memberi impak penting kepada mereka yang seterusnya mendorong pencapaian yang tinggi dalam akademik. Selain daripada aspek keluarga, aspek pengaruh komuniti juga membantu dalam menggalakkan pelajar untuk belajar. Aspek pengaruh komuniti biasanya berkaitan erat dengan pengaruh rakan sebaya.

5.2 Persoalan Kajian Kedua

Sejauh manakah penglibatan murid terhadap mata pelajaran matematik dengan menggunakan pendekatan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian?

Untuk mengumpul hasil kajian persoalan kajian yang kedua ini, teknik pemerhatian telah digunakan untuk melihat reaksi dan penglibatan murid sepanjang sesi pengajaran menggunakan pendekatan didik hibur berasaskan nyanyian. Sebuah kelas telah dipilih untuk diperhatikan, iaitu Sekolah Kebangsaan Taman Sri Rampai, memerhati seramai 30 murid tahun satu. Kaedah pemerhatian ini terbahagi kepada tiga segmen iaitu *Exposition* (Pengenalan), *Complication* (Pertengahan) dan juga *Resolution* (Penyelesaian).

Dari segi penglibatan murid murid, merujuk kepada jadual 1.4, murid murid terlibat sepenuhnya untuk menyertai sesi pembelajaran di dalam kelas. Dapatan penglibatan yang positif daripada kesemua pelajar adalah bersemangat dan melibatkan diri sepenuhnya di dalam kelas sepanjang ketiga-tiga segmen. Ini menunjukkan pendekatan didik hibur dapat menarik perhatian dengan pelajar dan merupakan kaedah yang sesuai untuk sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Kesemua murid memberi perhatian dan memberi penglibatan yang sepenuhnya dengan menggunakan pendekatan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian. Hasil pemerhatian menunjukkan murid murid menumpukan perhatian yang sepenuhnya setiap kali menggunakan pendekatan kaedah didik hibur nyanyian. Hasilnya serasi dengan kajian oleh Mohd Zahir (2003). Didapati sikap minat mempunyai hubungan penting dengan prestasi pelajar dalam apa jua bidang. Dalam erti kata lain dikatakan bahawa minat pelajar akan mendorong pembelajaran secara mendalam. Sebuah hipotesis telah dibuat berdasarkan hasil pemerhatian ini di mana jika seseorang murid berminat dan melibatkan diri menumpukan perhatian semasa sesi pembelajaran, maka

pelajar tersebut akan mendapat prestasi yang cemerlang. Cara dan metod guru mengajar juga berkait rapat dengan pernglibatan dan reaksi pelajar.

Nyanyian lagu Matematik “Kombinasi Nombor” (Tambah dan Tolak)

Lagu “Kombinasi Nombor” seperti yang terdapat di jadual 1.4 telah dicipta oleh cikgu Nazmi, guru matematik di Sekolah Kebangsaan Taman Sri Rampai. Sebuah lagu yang ringkas bersama melodi lagu mudah, tempo lagu yang rancak dan laju (*Tempo* 120) yang bermeterkan 4/4. Kedua-dua nombor dalam meter 4/4 atau dikenali sebagai *time signature* bermaksud berapa banyak rentak dalam setiap ukuran muzik.

Hasil daripada pemerhatian penyelidik, lagu yang mudah dan berulang ulang menyenangkan murid untuk menghafal lagu-lagu yang sentiasa muncul di minda seperti lagu lagu popular yang dikenali sebagai *earworm* (Jakubowski, 2013). Lagu lagu earworm memberi manfaat yang besar dalam penghasilan memori pelajar.

Nyanyian lagu Matematik Tambah dan Tolak

Melodi atau alunan asal lagu yang berjudul Tambah dan tolak yang dicipta oleh Cikgu Nazmi adalah lagu yang telah di inspirasikan dari lagu pop yang berjudul Aisyah nyanyian Projector Band. Lagu untuk pelajar Tahun dua yang bertajuk “Tambah Tolak” yang telah diolah dan dicipta oleh Guru A iaitu cikgu Nazmi Yunos yang merupakan guru matematik di Sekolah Kebangsaan Taman Sri Rampai. Skor lagu tersebut telah ditranskripiikan oleh penyelidik. Cikgu Nazmi menyatakan bahawa pemilihan lagu lagu dipilih oleh anak

muridnya sendiri. Hal ini kerana, murid murid lebih mengetahui lagu lagu kesukaan dan lagu yang popular.

5.3 Persoalan Kajian ketiga

Apakah isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru dengan penggunaan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian dalam pengajaran mata pelajaran Matematik.

Di dalam usaha untuk mendapatkan hasil jawapan untuk persoalan kajian yang ketiga, penyelidik telah menggunakan teknik temubual untuk mendapatkan hasil jawapan kepada persoalan kajian ini. Penyelidik telah menggunakan metod temu bual, soalan temu bual berdasarkan tema yang kedua untuk persoalan kajian. Soalan soalan temubual untuk tema yang kedua seperti yang terdapat di dalam Appendix D (Lihat Lampiran D).

Jika dilihat dari segi persoalan kajian yang ketiga, terdapat beberapa isu dan cabaran yang perlu diketengahkan dalam menjalankan pendekatan didik hibur. Antaranya ialah kelemahan murid untuk menghubungkaitkan lagu dan ilmu, persekitaran dan kemudahan untuk menggunakan pendekatan didik hibur dan perubahan bahasa untuk mengajar matematik.

Kelemahan murid untuk menghubungkan lagu dan ilmu.

Cabaran bagi semua guru apabila mendapati bahawa sebahagian daripada murid hanya mengambil lagu formula tersebut sebagai hiburan semata mata. Ini disebabkan bahawa mereka kurang berminat untuk mempelajari mata pelajaran matematik dan hanya cenderung kepada muzik. Apabila matlamat hanya sekadar berhibur, sesetengah pelajar ini sukar untuk membuat latihan, memahami konsep dan yang paling penting mudah lupa akan semua formula tersebut semasa kuiz dan juga latih tubi di dalam kelas. Walaubagaimanapun para guru mempercayai bahawa sebahagian daripada sekumpulan murid ini belum menyedari kepentingan ilmu matematik dalam nyanyian. Para guru, berharap para murid boleh mengaplikasikan dan menyedari kepentingan matematik dalam nyanyian ini apabila berada ketahap yang seterusnya.

Menurut Guru B (Cikgu Zaiton), hal ini kerana aras pembelajaran dan latar belakang murid murid ini berlainan antara satu sama lain. Murid murid belajar dan menguasai dengan menggunakan otak kiri dan kanan berbeza beza. Salmiza Saleh dan Anis Diyana Halim (2016) menyatakan bahawa bagi membantu guru merancang dan menyampaikan pengajaran dengan berkesan kepada pelajar, amatlah penting satu kajian berkaitan otak dijalankan bertujuan bagi memberi kefahaman yang jelas tentang mekanisma otak berfikir agar penggunaan fungsi otak dapat dimaksimumkan. Terdapat perbezaan dari segi fungsi antara dua bahagian otak manusia. Ditambah lagi dengan kajian neurosains membuktikan penggunaan kedua dua hemisfera otak sewaktu pembelajaran akan meningkatkan kefahaman konsep dan motivasi pelajar (Salmiza, 2011). Menurut Cherry (2019), individu individu jenis yang dominan pada otak kiri lebih cenderung kepada matematik, manakala individu jenis yang menggunakan otak kanan lebih cenderung kepada berkeaktiviti. Murid yang menggunakan otak kiri, lebih kepada menganalisis, pengiraan, matematik. Ini bermakna,

murid yang menggunakan otak kiri yang sentiasa fokus kepada pengiraan dan boleh menguasai matematik dengan baik. Manakala, murid yang menggunakan otak kanan memang sesuai dengan aras pembelajaran menggunakan didik hibur nyanyian, hal ini kerana otak kanan yang menguasai daya kreativiti seperti menyanyi dan juga unsur unsur yang melibatkan kreativiti. Kajian yang dilakukan oleh Yeap, Chong, James dan Low (1998) terhadap 1340 pelajar yang berusia di antara 16 hingga 17 tahun di Singapura bagi melihat kecenderungan otak terhadap pencapaian Matematik telah mendapati bahawa walaupun pelajar menggunakan kedua bahagian otak sewaktu pembelajaran matematik namun masih terdapat kecenderungan pada hemisfera kiri berbanding hemisfera kanan otak. Kajian ini turut membuktikan pelajar yang berkecenderungan otak kiri didapati mempunyai pencapaian matematik yang lebih tinggi daripada pelajar yang mempunyai kecenderungan di hemisfera kanan.

Kekurangan dan kemudahan untuk menggunakan pendekatan didik hibur

Isu dan cabaran melaksanakan kaedah didik hibur di kawasan sekolah luar bandar. Guru yang ditempatkan untuk mengajar di sekolah luar bandar melaporkan kesukaran untuk melaksanakan kaedah ini. Hal ini kerana, capaian internet untuk memperoleh bahan mengajar adalah sangat terhad. Ini menyukarkan guru untuk mencari bahan mengajar dan idea idea. Untuk melaksanakan pendekatan ini haruslah mengambil kira perbezaan antara sekolah bandar dan sekolah luar bandar.

Untuk isu dan cabaran di sekolah bandar, ketidak sesuaian untuk menjalankan aktiviti didik hibur di sebuah kelas yang terbuka. Seorang guru memberi cadangan untuk melaksanakan pendekatan tersebut di kawasan yang tertutup seperti bilik muzik. Disini kita

boleh lihat perbezaan yang ketara di antara sekolah bandar dan di luar bandar. Semoga pihak kerajaan mengambil berat tentang kedua-dua sekolah ini, untuk melahirkan insan yang maju.

Dasar perubahan bahasa (Bahasa Inggeris) untuk mengajar matematik.

Menurut Cikgu Ahsahri, beliau berhenti terlibat dalam mengajar di dalam kelas dan berpindah ke bahagian pentadbiran sekolah apabila mata pelajaran matematik dan sains telah berubah ke sistem Bahasa Inggeris yang dilaksanakan secara rasmi pada tahun 2003 (Nathan, 2017). Laporan PISA 2009 menunjukkan kemerosotan prestasi pelajar di Malaysia masih berada di bawah gred purata antarabangsa. Bagi subjek matematik, kedudukan untuk Negara kita ialah ke-57 untuk tahun 2009 dan ke-52 untuk tahun 2012. (Abdul Halim, Hasniza, Johari, 2014). Para guru mengharapkan dasar pengajaran matematik untuk bahasa Melayu terus dikekalkan untuk mendapatkan hasil akademik pelajar yang cemerlang.

5.4 Perbincangan menyeluruh.

Dalam menentukan pencapaian pelajar dalam matematik sekolah rendah, sikap, minat, dan kaedah pembelajaran adalah pertimbangan yang signifikan dari hasil kajian ini. Pengajaran adalah faktor penting dalam percubaan pelajar untuk mencapai pencapaian mata pelajaran matematik yang cemerlang. Selain itu, pemboleh ubah yang dikaji perlu lebih terperinci dan bukan hanya terhad kepada kepentingan dan motivasi dan pembelajaran guru, tetapi juga diambil kira dari segi masalah dan kesukaran. Penilaian terhadap pemboleh ubah yang lebih luas akan memberikan gambaran yang lebih luas dan lebih tepat tentang pencapaian pelajar dalam matematik. Menurut laporan PISA 2012:

Jadual 2 Kedudukan Malaysia dalam PISA 2012

Ranking	Negara	Purata Skor Matematik	Purata Skor Literasi Bacaan	Purata Skor Sains
0	OECD average	494	496	501
1	Shanghai-China	613	570	580
2	Singapore	573	542	551
3	Hong Kong-China	561	545	555
4	Taiwan	560	523	523
5	Korea	554	536	538
6	Macau-China	538	509	521
7	Japan	536	538	547
8	Liechtenstein	535	516	525
9	Switzerland	531	509	515
10	Netherlands	523	511	522
.
49	Kazakhstan	432	393	425
50	Thailand	427	441	444
51	Chile	423	441	445
52	Malaysia	421	398	420
53	Mexico	413	424	415
54	Montenegro	410	422	410
.
62	Colombia	376	403	399
63	Qatar	376	388	384
64	Indonesia	375	396	382
65	Peru	368	384	373

Rajah 3: Malaysia di tangga ke 52 daripada 65 buah negara.

Kementerian mengenal pasti kelemahan dalam pelaksanaan kurikulum sebelum ini yang kurang menekankan unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), menyebabkan murid kurang berkemampuan untuk mengaplikasi kemahiran itu semasa menjawab soalan pentaksiran berkenaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010). Menurut Mazlan Ismail (2016) kaedah didik hibur merupakan sebuah pendekatan yang boleh menjana pemikiran kemahiran berfikir aras tinggi KBAT terhadap murid. Ini yang harus ditekankan di sekolah-sekolah untuk melaksanakan pendekatan didik hibur. Untuk mendapatkan laporan prestasi akademik di kedudukan yang cemerlang (PISA), kaedah pengajaran perlu ditukar sekiranya kaedah yang telah digunakan tidak berkesan. Kaedah yang menarik perhatian pelajar dalam aspek pengajaran guru didapati terdapat hubungan yang jelas antara aspek pengajaran itu dengan pencapaian mata pelajaran matematik.

Kesimpulan yang sama boleh diambil untuk faktor motivasi pelajar. Motivasi mempengaruhi seorang pelajar dalam menguasai mata pelajaran matematik. Tanpa motivasi yang cukup, semangat untuk mempelajari sesuatu mata pelajaran akan pudar dan hasilnya mendapat keputusan yang kurang memberansangkan.

5.5 Rumusan

Penggunaan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian untuk mata pelajaran matematik terhadap motivasi belajar di kalangan murid sekolah rendah telah menunjukkan ia adalah sesuai digunakan oleh para guru dan sesuai dengan kehendak murid-murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran pada masa kini.

Berdasarkan hasil dapatan analisis temu bual yang telah dibincangkan, kajian ini dapat mengemukakan beberapa cadangan untuk dipertimbangkan. Antara cadangan-cadangan yang dikemukakan adalah seperti yang berikut:

1. Lagu-lagu yang telah dicipta, dirakam dan dikomersialkan supaya kesemua sekolah iaitu, sekolah bandar mahupun sekolah luar bandar boleh menggunakan lagu formula tersebut di dalam kelas-kelas.
2. Penyelarasan dalam penggunaan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian bukan sahaja untuk mata pelajaran matematik, malah untuk semua mata pelajaran di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah di Malaysia.

3. Mengadakan bengkel atau seminar untuk para pendidik supaya meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pendekatan didik hibur berasaskan nyanyian digunakan untuk sesi pengajaran dan pembelajaran.

5.6 Cadangan kajian lanjutan

Berikut merupakan cadangan kajian untuk penyelidik yang akan datang:

1. Sampel daripada beberapa sekolah rendah sahaja tidak mencukupi. Oleh itu, adalah dicadangkan bahawa penyelidik yang berpotensi untuk menjalankan penyelidikan ini mengambil sampel yang lebih besar dan tidak terhad kepada beberapa buah sekolah sahaja untuk mencapai hasil kajian yang lebih luas.
2. Kajian lanjut mengenai tahap motivasi juga harus dilakukan dalam kumpulan sampel yang sama, tetapi dalam jangka waktu relative yang lama untuk melihat apakah perubahan peningkatan motivasi seseorang apabila dikaitkan pendekatan didik hibur dalam masa yang panjang.

Untuk cadangan kajian yang akan datang, teknik untuk mengumpul maklumat perlu kepelbagaian dan bukan hanya menumpukan perhatian kepada penggunaan soal selidik seperti menemubual dan memerhati. Kepelbagaian dalam teknik pengumpulan maklumat akan saling melengkapi dengan pelbagai jenis maklumat. Penjelasan tentang pembolehubah, sebab dan akibatnya dapat dijelaskan lebih tepat dan lebih mendalam.

Di samping itu, cadangan juga boleh diperluaskan ke sekolah menengah, sekolah harian atau sekolah berasrama dan sekolah menengah agama. Ia adalah mungkin untuk melihat bagaimana sikap, minat, pengajaran dan pembelajaran rakan sebaya dapat

mempengaruhi kejayaan pelajar dalam matematik. Pada masa akan datang, cadangan untuk meneliti ibu bapa, persekitaran, motivasi pelajar dan penggunaan teknologi dalam matematik boleh diperkenalkan supaya kajian ini lebih tertumpu kepada penemuan data yang menyeluruh. Kementerian Pendidikan sedang berusaha untuk meningkatkan kualiti dan kualiti kurikulum sekolah menengah. Kurikulum ini dikaji semula selaras dengan pertumbuhan pendidikan yang sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) supaya tahap pendidikan di negara ini selari dengan negara maju.

Dengan perancangan dan persediaan yang sistematik yang dilakukan oleh para guru, kaedah didik hibur yang berasaskan nyanyian dipercayai akan mendatangkan hasil yang membanggakan di mana murid-murid bermotivasi untuk belajar menggunakan kaedah yang baru, menyeronokkan dan mampu untuk meningkatkan motivasi pelajar.

Rujukan

- Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail (2013). Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 3, 49-63. Retrieved from http://journalarticle.ukm.my/6749/1/49-63_Rasid.UPM.pdf
- Abdul Halim Abdullah, Nur Hasniza Abdullah, Johari Surif. (2014). Pisa 2012: Di Mana Kedudukan Malaysia Untuk Subjek Matematik? Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/308889595_PISA_2012_DI_MANA_KEDUDUKAN_MALAYSIA_UNTUK_SUBJEK_MATEMATIK
- Afzal Hasan, M. Aslam Khan, Imran Ali, Hamid Kashif (2010). A Study of University Students' Motivation and Its Relationship with Their Academic Performance. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/42385758_A_Study_of_University_Students'_Motivation_and_Its_Relationship_with_Their_Academic_Performance,
- Ahmad Kamal Ramtan (2013). Keperluan Didik Hibur Dalam pengajaran. Retrieved from <https://www.scribd.com/document/130664028/Keperluan-Didik-Hibur-Dalam-Pengajaran>,
- Ahsahri Kasdi. (2001, Jun 6). *Temu bual Bersama Ahsahri Kasdi* (Ditemu bual oleh Fazlin Mohamad Zaki untuk Utusan Online).
- Aminudin Ahmad. (2017, Januari 24). *Temu bual Bersama Aminudin Ahmad* (Ditemu bual oleh Azhar Ahmad) Penerapan elemen 'didik hibur'. *Kosmo Online*. Retrieved from <http://www.kosmo.com.my/special/moe/penerapan-elemen-didik-hibur-1.557676>
- Aminah Ayob (2007). *Siri Syarahan Umum Perlantikan Profesor: Pembelajaran Berasaskan Minda dan Implikasinya kepada Pendidikan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia
- Azizah Tumirah (1999). Faktor-faktor yang mempengaruhi kelemahan pelajar bumiputera dalam mata pelajaran sains. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Azrul Azlan (1988). Satu tinjauan mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi mata pelajaran lukisan kejuruteraan di Sekolah Menengah Kebangsaan Mersing. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Belekis serbini. (2012, October, 23). Definisi Matematik. Retrieved from <http://belekismatematik.com/2012/10/matematik-merupakan-salah-satu-mata.html>
- Bessant, K.C. (1995). Factors Associated with Types of Mathematics Anxiety in College Students. Retrieved From <https://www.researchgate.net/publication/325621246>
- Brophy, J. 1998. *Motivating Students To Learn*. New York: McGraw-Hill.

- Chatterjee, R. (2012, March, 7). Earworms: Why songs get stuck in our heads. *BBC News*.
<https://www.bbc.com/news/magazine-17105759>
- Che Mahzan Ahmad (2017), Fieldwork And The Qualitative - Interpretative Analysis. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 1, 049-058.
- Cherry, K. (2019, March 16). Left Brain vs. Right Brain Dominance: The Surprising Truth Understanding the Myth of Left and Right Brain Dominance. Retrieved From
<https://www.verywellmind.com/left-brain-vs-right-brain-2795005>
- Chua, Y.P. (2011). Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan. Retrieved from
https://www.researchgate.net/publication/277010216_Kaedah_dan_Statistik_Penyelidikan_n_Kaedah_Penyelidikan
- Chong, S. T., Jaafar, J. R., Rahim, S. A., Zainal, N., Subhi, N. & Kadir, N. A. (2012). Motivasi Diri Dan Dorongan Ibu Bapa Terhadap Minat Akademik Belia. *Journal of Social Science and Humanities*. Vol. 7. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- CMN Academy (2019). Belajar Matematik Dengan Teknik 'Fun Learning' (Didik Hibur) Retrieved from <https://cmnacademy.com/sesi-perkongsian-live-fun-math-swip-swap/>
- Coon, D. & Mitter, J.O. (2010). *Introduction to psychology: Gateways to mind and behavior. Study Guide*. Boston: Wadsworth Cengage Learning.
- Dzanic, N.D., Pejic, A. (2016). The Effect of Using Songs on Young Learners and Their Motivation for Learning English. Retrieved From
<https://www.researchgate.net/publication/312054146>
- Dörnyei, Z. (1994). Understanding L2 motivation: On with the challenge! *The Modern Language Journal*, 78(4), 515-523.
- Dörnyei, Z., & Ushioda, E. (2011). *Teaching and researching: Motivation* (Second ed.). Harlow: Longman Pearson.
- Eliza Ramlee (2013, Disember 22). Didik hiburan dalam pengajaran BM. Retrieved from
<https://www.slideshare.net/elizaramlee/didik-hibur-dalam-pengajaran-bm>
- Fazlin Mohd Zaki (2001, Jun 6). KASDIM, memahirkan matematik melalui nyanyian. *Utusan Online*, pp.5. Retrieved from
http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0606&sec=Pendidikan&pg=pe_01.html
- Fuqoha, Budiyono, Indriati (2018). Motivation in Mathematics Learning. Retrieved from
https://www.researchgate.net/publication/323554892_Motivation_in_Mathematics_Learning

- Floridou, G., Müllensiefen, D., Williamson, V.J. (2012). Contracting Earworms: The Roles of Personality and Musicality. In https://www.researchgate.net/publication/235417631_Contracting_Earworms_The_Roles_of_Personality_and_Musicality
- Gao, X., & Lamb, T. (2011). Exploring Links between Identity, Motivation and Autonomy. In M.
- Gardner, C. B. (1980), Passing By: Street Remarks, Address Rights, and the Urban Female. *Journal of Sociological Inquiry*, 50, 3-4. <https://doi.org/10.1111/j.1475-682X.1980.tb00026.x>
- Gardner, R.C. 2005. Integrative Motivation and Second Language Acquisition. Canadian Association of Applied Linguistics/Canadian Linguistics Association Joint Plenary Talk. London, Canada : The University of Western Ontario.
- Guat, T.M. (2015). Pembelajaran Menyeronokkan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL*, Jilid 12. Retrieved from <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/jurnalpapers/jurnal2015/Tay%20MG.pdf>
- Hinson, Maurice (2001). *The Pianist's Guide to Transcriptions, Arrangements, and Paraphrases*. Bloomington: Indiana University Press. , https://www.researchgate.net/publication/325621246_Mathematics_Anxiety_Perceived_Mathematics_Self
- Holohan, M. (2016, November 4). Why some songs turn into earworms — and 5 ways to get rid of them. <https://www.today.com/health/study-shows-what-makes-song-earworm-t104651>
- Ismail Affero & Mohd Zahar Kusnun (2016). Penerapan Kaedah Didik Hibur Terhadap Motivasi Belajar Di Kalangan Murid Di Sebuah Sekolah Rendah Daerah Kluang. Retrieved From https://www.researchgate.net/publication/313565217_Penerapan_Kaedah_Didik_Hibur_Terhadap_Motivasi_Belajar_Di_Kalangan_Murid_Di_Sebuah_Sekolah_Rendah_Daerah_Kluang,
- Ismail Reduan (1992). Faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan pengajaran dan pembelajaran matematik di kalangan murid sekolah rendah. *Jurnal Akademik*.
- Jakubowski, K. (2016). Dissecting an Earworm: Melodic Features and Song Popularity Predict Involuntary Musical Imagery. *Psychology of Aesthetics, Creativity, and the Arts*, 11(2), 122–135. <http://dx.doi.org/10.1037/aca0000090>
- Jamshed, S. (2014). Qualitative research method-interviewing and observation. *Journal of Basic Clinical Pharmacy*, 5(4), 87–88. doi:10.4103/0976-0105.141942

- Kamarudin Hamat (2003). Faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran: Satu tinjauan di kalangan pelajar pengajian kejuruteraan jentera di dua buah sekolah menengah teknik di Johor Bahru. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kellaris, J. J. (2001). Identifying properties of tunes that get 'stuck-in-your-head': Toward a theory of cognitive itch. *Proceedings of the Society for Consumer Psychology Winter 2001 Conference*, 66-67. Scottsdale, AZ: American Psychological Society.
- Kanapathy, G. (2016). Kemahiran Visualisasi Dalam Mata Pelajaran Matematik Dalam Kalangan Murid Tahun 5 Di Sebuah Sjkt Daerah Kuala Muda Yan, Kedah. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, 1, 909-916. <http://dx.doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.629>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2003). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2010). Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010). Edisi Pelancaran PIPP 2006. Diterbitkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). *Matematik Tahun Enam*. Kuala Lumpur, Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lepper, M. R., Corpus, J. H., & Iyengar, S. S. (2005). Intrinsic and extrinsic motivational orientation in the classroom: Age differences and academic correlates. *Journal of Educational Psychology*, 97, 184-196. doi:10.1037/0022-0663.97.2.184
- Lepper, M. R., Corpus, J. H., & Iyengar, S. S. (2005). Intrinsic and extrinsic motivational orientation in the classroom: Age differences and academic correlates. *Journal of Educational Psychology*, 97, 184-196. doi:10.1037/0022-0663.97.2.184
- Lepper, M. R., Corpus, J. H., & Iyengar, S. S. (2005). Intrinsic and extrinsic motivational orientation in the classroom: Age differences and academic correlates. *Journal of Educational Psychology*, 97, 184-196. doi:10.1037/0022-0663.97.2.184
- Letivin, D., J. (2016, January 8). Neuroscientist Musician Author. Retrieved from <http://daniellevitin.com/publicpage/>
- Lincoln, Y.S, & Guba, E. G. (1985). *Naturalistic Inquiry*. United States: Sage Publications
- Majlis Peperiksaan Malaysia (1992). *Laporan Keputusan Peperiksaan 1991*. Kuala Lumpur: Majlis Peperiksaan Malaysia.
- Maslow, Abraham H. 1943. A theory of human motivation. *Psychological Review* 24: 843-853. <http://journalarticle.ukm.my/11344/1/21790-62699-1-SM.pdf>

- Maszlee Malik (2019, Januari 6). 10 sebab Peperiksaan Tahap Satu dimansuhkan – Maszlee. *Berita Harian Online*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/01/516704/10-sebab-peperiksaan-tahap-satu-dimansuhkan-maszlee>
- Mazlan Ismail. (2016). *Didik Hibur dan Seni Bahasa*. Selangor, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mazuki Mohd Yasim (2011). Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (Experiential Learning). <https://www.researchgate.net/publication/298135891>
- Mazura Sulaiman (2014). Aplikasi Didik Hibur Menggunakan Lagu-Lagu Filem Pendekar Bujang Lapok Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Berbahasa Bahasa Melayu Kepada Murid- Murid Orang Asli. Retrieved from https://www.academia.edu/27597111/APLIKASI_DIDIK_HIBUR_MENGGUNAKAN_LAGU-LAGU_FILEM_PENDEKAR_BUJANG_LAPOK_DALAM_PENGAJARAN_DAN_PEMBELAJARAN_KEMAHIRAN_BERBAHASA_BAHASA_MELAYU KEPADA_MURID-MURID_ORANG_ASLI?auto=download
- Meriam, S.B. (1998). *Qualitative research and case study*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Mohd Razak Mohd Nordin dan Masitah Ahmad (2015). Pendekatan Didik Hibur Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Tinjauan Terhadap Sikap Dan Minat Murid Orang Asli Di Negeri Perak. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 9, 100-120. <http://www.ipgmipoh.edu.my/journal/index.php/dedikasi/article/view/33/30>
- Mohd Zahir Khasim (2003). Tinjauan terhadap minat, pengajaran guru, pengaruh keluarga dan tahap pembelajaran pelajar terhadap mata pelajaran matematik di Sekolah Menengah Teknik Butterworth. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Sharani Ahmad & Zainal Madon. (2003). *Tip Pandai Belajar Panduan Teknik-Teknik Berkesan Semasa Belajar Dan Mengajar*. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Muryanti, E., & Muryanti, E. (n.d.). Didik hibur. Retrieved from https://www.academia.edu/19089342/didik_hibur
- Nasirah Ismail, Norhasliza Abdullah, Siti Zubaidah Saharudin (n.d.). Jurnal Hubungan Motivasi Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Matematik Kejuruteraan. Retrieved from https://www.academia.edu/22970791/JURNAL_HUBUNGAN_MOTIVASI_GAYA_PEMBELAJARAN_DENGAN_PENCAPAIAN_MATEMATIK_KEJURUTERAAN

- Ng S.G. (1983) Masalah Pengajaran dan Pembelajaran Matematik Sekolah Menengah di Malaysia, dalam Berita Matematik (27), Julai, Kuala Lumpur, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Noor Azlan Ahmad Zanzali (1987). *The Malaysian Mathematics Program: A Case Study of the Difference Between Design Intention and Classroom Implementation* (Unpublished doctoral dissertation). University of Wisconsin, Madison. USA.
- Nordin Mamat (2001). *Latar Belakang Sosial dan Motivasi Pelajar terhadap Pencapaian Bahasa Melayu dalam Sistem Pensijilan Terbuka SPM*. (Master's thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia). Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan.
- Norlia Abd Aziz, T. Subahan M. Meerah, Lilia Halim, Kamisah Osman (2006). Hubungan Antara Tahap Motivasi Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Pendidikan Jarak Jauh Universiti Sains Malaysia. (n.d.). Retrieved from <https://www.scribd.com/document/229593836/Hubungan-Antara-Tahap-Motivasi-Dengan-Pencapaian-Akademik-Pelajar-Pendidikan-Jarak-Jauh-Universiti-Sains-Malaysia>
- Omardin Ashaari (1996). Kaedah Pengajaran Sejarah. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors
- Pintrich, P. R. & Schunk, D. H. (1996) *Motivation In Education: Theory, Research And Applications*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall Inc.
- Posamentier, A. (2017, Jun 20). 9 Strategies for Motivating Students in Mathematics. Retrieved from <https://www.edutopia.org/blog/9-strategies-motivating-students-mathematics-alfred-posamentier>
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). Belajar Cara Belajar. Kuala Lumpur, Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Quek Miow Leng (2006). Pengaruh rakan sebaya dengan pencapaian matematik di kalangan pelajar tingkatan 4 di daerah Batu Pahat. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ramlah Bt. Jantan, Nor Afni Bt. Resad, Siti Fathimah Az-Zahra Bt. Mohd (2016). Aktiviti Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Prasekolah Di Daerah Gombak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 5, 19 - 29. Retrieved from <http://ojs.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/854>
- Ramlah Jantan & Mahani Razali (2002). *Psikologi Pendidikan-Pendekatan Kontemporari*. Kuala Lumpur: UPSI.
- Reynolds, J. M. (2003). The role of mathematics anxiety in mathematical motivation: a path analysis of the cane model. In

https://www.researchgate.net/publication/325621246_Mathematics_Anxiety_Perceived_Mathematics_Self

Ridzuan Ismail. (2002). Faktor-faktor yang mendorong pencapaian pelajar sekolah menengah agama bagi mata pelajaran KHB dalam peperiksaan PMR daerah Rendang. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Roselan Baki. (2006). Kualiti Pengajaran: Menggantikan Pendekatan Serius dengan Pendekatan Santai. Seminar dan Bengkel Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan. 16 September. Hotel Marriott Putrajaya.

Sabri Ahmad, Tengku Zawawi Tengku Zainal & Aziz Omar (2006). *Isu-isu dalam Pendidikan matematik*. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Salmiza. (2011). The effectiveness of the brain based teaching approach in dealing with problem of form 4 student's conceptual understanding of newtonian physics. *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 26(1): 91-106. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia

Salmiza Saleh & Anis Diyana Halim (2016). Kecenderungan Otak dan Hubungannya dengan Pencapaian dan Motivasi Pelajar: *Jurnal Pendidikan Malaysia* 41(1): 65-70. <file:///C:/Users/User/Downloads/research%20otak%20kiri.pdf>

Scanlon, M. (2011). "History beyond the academy: humor and horror in children's history books". *New Review of Children's Literature and Librarianship*, 16:2, 69–91. <https://doi.org/10.1080/13614541.2010.540197>

Schmidt, P. (2008). Researchers bemoan lack of progress in closing education gaps between the races. *Chronicle of Higher Education*.

Senthilingam, M. (2017, November 20). Why can't you get that song out of your head? CNN International Edition. Retrieved from <https://edition.cnn.com/2016/11/03/health/song-stuck-in-head-earworm-study/index.html>

Shaffe Mohd Daud, Ramli Basri, Roselan Baki, Sahandri Ghani Hamzah & Mokhtar Nawawi (2011). Pengaruh Amalan Jenaka Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Murid. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 26, 125–144. http://apjee.usm.my/APJEE_26.1.2011/26.1.2011_125-144.pdf

Shamsudin Othman & Abdul Rasid Jamian. (2013). Pelaksanaan elemen sastera dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa kurikulum standard sekolah rendah. *Jurnal Bahasa*, 1(2), 292-312. Retrieved from <http://jurnalbahasa.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2014/08/7-Didik-hibur.pdf>

Catherine Sinclair (2008) Initial and changing student teacher motivation and commitment to teaching, *Asia-Pacific Journal of Teacher Education*, 36:2, 79-104, DOI: 10.1080/13598660801971658

- Slamento. (2003). Belajar dan Faktor-faktor yang Mempengaruhinya. Jakarta: PT Rineka Cipta.
- Smith, J.A., Flower, P., and Larkin, M. (2009). *Interpretative Phenomenological Analysis: Theory, Method and Research*. London: Sage.
- Suradi Salim (1987). Tinjauan Sikap Dan Tabiat Belajar Sekolah-Sekolah Menengah Negeri Sembilan. *Jurnal Pendidikan*.77-90
- Taylor, Steven, J., Bogdan, Robert. (1984). *Introduction to qualitative research methods: The search of meaning*. New York: Wiley.
- Tobias, S. (1993). *Overcoming Math Anxiety*. USA: W.W. Norton.
- Tuah Ishak & Mohini Mohamed (2010). Pengajaran Dan Pembelajaran Sains Dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI): Suatu Isu Berulang. *Jurnal Teknologi*, 53(1), 53-60. doi:10.11113/jt.v53.116
- Wan Hamid, Wan Zuraida, Yahaya & Azizi (2002). *Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik* (Bachelor's thesis) Universiti Teknologi Malaysia, <http://merr.utm.my/11510/>
- Wan Norliza Wan Mustapha (2011, November, 26). Definisi Didik Hibur Dan Contohnya Diambil daripada <http://2011/11/didik-hibur-didikhibur>
- Yeap, Chong, James & Low (1998). Differential brain functioning profiles among adolescent mathematics achievers. *The Mathematics Educator* 3(1): 113-128.
- Zamrah Yaacob (1999). Satu kajian mengenal pasti faktor-faktor kelemahan pencapaian matematik di kalangan pelajar tingkatan empat di tiga buah sekolah menengah di daerah Pasir Mas, Kelantan. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Zanariah Wahab, Zamri Mahamod (2017). Pengetahuan, Kemahiran Pelaksanaan Dan Sikap Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Terhadap Pendekatan Didik Hibur. Unpublished manuscript. <https://seminarserantau2017.files.wordpress.com/2017/09/3-zanariah-binti-wahab-zamri-mahamod.pdf>